The only other verse specifically dealing with women's attire is verse 59 of Surah Al-Ahzab. This is addressed to the Prophet (pbuh) and he is directed to tell your wives and your daughters and the women of the believers to draw their jalabib over their bodies. The word jalabib is the plural of jilbab and means a shirt, covering or a cloak. The question arises whether the meaning of this word (jalbib / jalabib) can be extended to mean covering the face or being veiled. Clearly not, because God, the Wise, would have used words stating so, after all if the ocean were ink for the Words of my Lord, surely, the ocean would be exhausted before the Words of my Lord would be finished (18:109). Again the context in which the word (jalabib) is used excludes such possibility.

Women are told to cover their bodies so that they should not be molested and that they should be known. If a woman's face is veiled she cannot be known. The only apparent part of the body by which everyone is distinguished and recognized or known is the face. All other methods of identification whether by finger or genetic printing or retina examination are only possible with the aid of extraneous tools.

There is not a single verse in the entire Quran that requires women to veil their faces. The Holy

Quran is significantly silent. In fact the above cited verses may be interpreted to even mean that a veil must not be used, because these verses stipulate that women must be apparent and known and if their faces are concealed by veils they are neither apparent or known. Even in present day strictly veiled Saudi Arabian society, the true faith is witnessed during the Hajj, when no face can be concealed. If the Hajj is an exception, as the veil-lobby contends, it is inexplicable and a contention that is not supported by the words of the Quran.

The beauty and majesty of the Quran is limitless. Through it God, Most Kind and Most Gracious, tells us that the intention of the believer is very important. O children of Adam! We have bestowed 'libas' (clothing or raiment) upon you to cover yourselves and as an adornment; and the raiment ('libas') of righteousness, that is better (7:26). And the only judge of the raiment of righteousness is our Creator. The matter is therefore taken away from man's nitpicking ways and laid for consideration before the Master of the Highest Kingdom.

Those who want to blacken the faces of women and reduce them to mere objects must remember that God the Omnipotent directs believing men to lower their gaze (24:30). If women were veiled there would be no need for men to lower their gaze. The Commandment to lowering one's gaze is often brazenly flouted.

Would it then not be more appropriate to legislate for affixing blinkers on men's eyes, like those on a mule or donkey, rather than having the effrontery to put rags on the faces of 12-year old-girls?."

amin tan

36.

readman's Gravatar readman

March 25, 2012 at 10:14 am | Permalink

Mana "Hukum Hudud" dalam Al-Quran.

Cuba Search "Hukum Hudud" dalam Al-Quran ada tak?!

Tunjuk Bukti, Jangan jadi Penipu, Dosa tau.

37.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

March 24, 2012 at 5:44 pm | Permalink

Salam Tun,

Label "anti-hadith" hanyalah satu label rekaan mereka yang lansung tidak boleh menggunakan akal untuk memahami maksud dan message Al-Quran.

Label ini sangat efektif untuk menyebarkan rasa benci atau tidak puas hati atau meyampah terhadap agama versi yang lain dari yang mereka ingin 'pertahan'.

Sampai kucing bertanduk pun tak akan mereka akui mereka silap, walaupun abdul aziz omar telah berikan penjelasan serta penulisan teliti. Melayu sampai bila2 akan tersangkut dalam sangkar sendiri, menyayi lagu yang sama berabad abad lamanya.

Ini semua kerana Melayu dipaksa percaya Al-Quran. Tak faham pun kene faham juga, tak saksi pun kene jadi saksi juga, tak suka kene suka juga. Paksa paksa paksa. Itu sahaja cara mengajar anak melayu, sayang anak di tangan tangan kan. Tak boleh soal. Terima sahaja.

Orang macam abdul aziz omar ini bikin banyak susah, banyak soal. Poning orang dibuat nya. Malas nak dengar.

Saya pun dah tak nak peduli Tun. Saya nak buat suka hati nenek saya. Orang2 agama ni semua sama aje Tun. Nama sahaja orang agama, hati Tuhan saja tahu. Dorang tu semua penipu lah Tun. Entah ape2 yang dorang percaya.

Saya nak terus sembah nenek moyang saya.

Sekian Tun

38.

sudin's Gravatar sudin

March 24, 2012 at 12:09 pm | Permalink

Salam Tun.

Hukum hudud hanya merupakan <0.001% dari perundangan Islam. Kenapa tok guru(?) PAS tu tak pedulikan perkara2 lain dalam perundangan Islam yang jauh lebih penting dan lebih memudaratkan ummah?

Mungkin tok guru(?) terlalu asyik bersandiwara dan sentiasa memikirkan hal2 yang hanya boleh menghasilkan kepentingan politik diri sendiri.

Ingat2lah sikit tok guru(?), pengikut taksab dah banyak berkurangan dan terus berkurang!!

Sedar2lah tok guru(?), umur dah terlalu lanjut, kubur dah lama kata mari & rumah dah lama kata pergi!

Cuba-cubalah tok guru(?) dan pengikut taksab yang masih ada renung2 dan fikirkan perkara2 berikut:

1. Kalau anak sipeliwat tegar tu yang sama2 bangsat saperti juga ibunya presiden PKR (memang dasar keluarga bangsat) dengan sewenang2nya merelakan kafir laknat dari DAP/PKR memasuki surau kg Kerinci untuk menjamu selera dengan hanya MEMAKAI SKIRT DAN DUDUK DIATAS TIKAR SEMBAHYANG DENGAN SENGAJA MENAMPILKAN 'LURAH GAUNG' DAN TANPA MEMBUKA KASUT, DIDALAM DEWAN SEMBAHYANG!!!

2. Kalau MB Khalid gagap tidak sanggup bertanggungjawab langsung & membiarkan/mahukan isu murtad diselesaikan sendiri oleh ahli keluarga mangsa!!

3. Kalau N.ajis amat seronok berpelukan dengan Kit Siang (penyebab utama peristiwa mei 13) dan ikan yu (the man reknown as anti-Islam and annihilated Malay voice/power in Singapura) disamping tak henti2 melaungkan kafir/munafik kepada orang2 Islam yang tak menyokongnya!!!

4. Kalau Abdulazizomar(aao) atau lebih molek dipanggil 'that anonymous infidel/kafir(taik)' tak reti & tak henti2 melakukan dakwah sesat diblog Tun (tetapi TAK BERANI bila diajak bersemuka!) dan asyik berangan2 nak memecahbelahkan Islam!

5. Kalau mereka2 yang berperangai 'seks maniak' yang terang2an melakukan zina, khalwat, liwat (saperti Mat Sabu, Badrul Amin, ANWAR) dengan bermatian2an inginkan dinobat sebagai pemimpin Islam, dan DIBERI SOKONGAN PADU oleh bangsat2 dari PKR/PAS yang sebenarnya adalah talibarut utama yang akan memusnahkan agama, bangsa dan negara!!

6. Kalau, kalau, kalau.....yang belum ada kesudahan.

39.

prof_ridcully's Gravatar prof_ridcully

March 24, 2012 at 5:43 am | Permalink

Salam Tun,

Mohon izin untuk memberi sedikit komen tentang komen-komen yang telah diberi oleh Abdulazizomar

abdulazizomar

Saya hanyalah seorang awam dari segi ilmu Islam. Saya kira saya ini orang biasa, ada sedikit pendidikan dan berminat untuk menambah pengetahuan saya tentang Islam.

Saya amat bersetuju yang kita harus mengkaji dan memahami kitab suci al-Quran serta mematuhi perintah supaya menggunakan fikiran dan akal. Bukan itu saja, kita wajib mematuhi segala perintah dan meninggalkan segala larangan yang terkandung di dalam al-Quran. Dan kalau boleh kita harus menguasai bahasa Arab kerana saya percaya [kesan sampingan pendidikan saya] kita dapat hasil terbaik kajian apabila kita mendapatkan data primer atau membaca sumber punca sesuatu topik.

Rasulullah (saw) telah ditugaskan dengan menyampaikan al-Quran dan mengajarnya selama 23 tahun. Seperti saudara sedia maklum, dengan keadaan masyarakat Jahiliah pada masa itu, ajaran yang dibawa Rasulullah (saw) merupakan sesuatu yang revolusioner, yang luar biasa. Cuba bayangkan keadaan orang musyrik, yang mempunyai banyak tuhan, yang mempunyai kod kehidupan yang berlainan, yang suka menilik nasib, dan sebagainya, hendak menjadi seorang Islam dengan sistem kepercayaan dan cara hidup yang bertentangan dengan cara Jahiliah yang menjadi kebiasaan mereka.

Dalam keadaan sedemikian, saya kira adalah munasabah jika orang Islam terawal, yakni para Sahabah (rhum) yang terawal di Makkah, mengikut tunjuk ajar Rasulullah (saw) dengan mendengar kata-kata Rasulullah (saw) dengan teliti, meniru tindakan baginda dan memeriksa dengan baginda sama ada apa jua tindakan mereka dibenarkan atau tidak oleh ugama yang dibawa Rasulullah (saw). Mereka mematuhi al-Quran yang turun sedikit demi sedikit sambil mengikuti teladan Rasulullah (saw) dari Makkah sampailah berhijrah ke Madinah. Di Madinah kelompok orang Islam yang membesar ini melakukan perkara yang sama. Dengan erti kata lain, adalah munasabah untuk beranggapan bahawa sedang mereka menerima ayat-ayat al-Quran yang baru diwahyukan, mereka mematuhi Sunnah [dan Hadith] Rasulullah (saw).

Inilah kegiatan orang Islam dari awal lagi dan kegiatan ini diulangi dari generasi ke generasi, turun temurun. Sekarang sekiranya saya hendak dikira sebagai orang Islam adakah perlu saya mempercayai al-Quran serta mengikut Sunnah Rasulullah (saw) — kegiatan yang dilakukan orang Islam sejak zaman awal Islam lagi? Akal memberitahu saya bahawa jawapannya ialah Ya.

Kassim Ahmad, yang suratnya yang berbahasa Inggeris saudara paparkan, tidak berpuas hati kerana orang menggelarnya 'anti-Hadith.' Mungkin ada sebab ini berlaku. Mungkinkah sebabnya beliau menyatakan bahawa taraf kitab-kitab Hadith adalah sama seperti buku-buku sejarah, falsafah, buku-buku fahaman Marxist atau Liberal — untuk dibaca, dan jika ada yang elok, kita ambil; jika tidak elok, kita buang? Dalam penulisannya yang saya baca Kassim Ahmad ada mengatakan yang solat itu telah diajar oleh Allah swt kepada Nabi Ibrahim (as) dan tidak perlu diajar lagi kepada umat Nabi Muhammad (saw).

Dan cendekiawan agong ini (mengikut pensyarah USM) masih bertanya mengapa orang memanggilnya seorang anti-Hadis?

40.

wajaperak's Gravatar wajaperak

March 23, 2012 at 9:00 pm | Permalink

Assallammualaikumwarahmatullahiwarokatuh..

Semoga Tun sudi mengizinkan ruangan..

Saudara fbm..

saya kecewa dengan anda...

"Dah lama dah.."

Bukankah anda orangnya orang yang menulis panjang berjela-jela tentang "melayu"...?

Bukankah anda orangnya yang menyedari hakikat bahawa seseorang ilmuan seperti diri anda sendiri adalah jauh perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada masyarakat Islam berbanding orang-orang awam?

Contohnya anda mesti membelasah orang-orang kafir yang menyamar sebagai orang-orang Islam yang menafikan hadith dengan hujah yang berjela-jela..

Tapi apa yang berlaku?

Anda menuduh saudara saya hilal sebagai "hypochondriac"..

fbm..

Apa yang berlaku sekarang adalah akibat malang umat Islam yang tidak cukup ilmu dan kemahiran...

Macam sayalah..

Tidak cukup ilmu dan kemahiran untuk mengamalkan ajaran Islam..Tetapi..

Awaltuddin makrifatullah itu memang mencukupi..

Ilmu di dalam Islam bukan setakat belajar sahaja tetapi apa yang diizinkan oleh Allah untuk mencapainya..Saya berikan satu contoh..

Telah banyak tahun saya pasti hafalan saya di dalam satu ayat Surah Al Kahfi itu benar..Dengan izin Allah di tunjukkan bahawa bacaan saya itu salah.Ini bermakna telah bertahun saya tidak semak bacaan saya tetapi berpuas hati dengan hafalan itu dan Allah tidak sudi untuk membetulkannya hinggalah terbuka pintu RahmatNya untuk tidak lagi membenarkan saya di dalam kekhilafan...

fbm..

Kesemua perkara ini ada di sebutkan di dalam Al Quran.

Kita lihat orang-orang yang malu menggunakan nama-nama gelaran yang baik seperti Bapa Kucing dan sebagainya..tetapi tidak segan-segan pula menggunakan nama-nama kafir seperti

nama orang-orang hindu...

Islam melarang perkara sebegini kerana masalah kesufian..

Jiwa agama itu kesufian..

Pernah seorang sahabat menegur Rasullullah s.a.w tentang memeluk,mencium dan mendukung anak..

“Aku tidak melakukannya wahai Rasullullah s.a.w terhadap anak-anakku”..Perhatikan jawapan Rasullullah s.a.w

“Jika Allah tidak memberi..bagaimana aku dapat memberi”?

fbm..

Ramai umat Islam terlupa bahawa sifat utama Allah di dalam Asmaul Husna itu adalah sifat Rahman dan Rahim..

Makhluk apakah yang contohnya mengakui sifat-sifat Rahman dan Rahim itu pada diri manusia?..Buatlah satu ujikaji..

Panggillah burung yang berterbangan di udara untuk singgah di tapak tangan kita..

“Wahai burung-burung yang berterbangan..turunlah kesini dengan nama Allah..Aku menyeru dengan nama Allah”..

Bila anda gagal sepertimana saya yang gagal..Kita patut malu kepada Allah kerana mereka-mereka yang patuh kepada Allah akan di patuhi makhluk pula..

Sistem metrik mengukur berat,tinggi jarak dan sebagainya..

BAGAIMANA MENGUKUR PENCAPAIAN IMAN ORANG YANG BERAMAL??

Orang-orang yang menghina Imam-Imam utama dan muktabar hanyalah mereka-mereka itu menghina diri mereka sendiri..

Terima kasih Tun..

41.

mgpunya's Gravatar mgpunya

March 23, 2012 at 7:52 pm | Permalink

YABhg Tun,

After reading some of the comments,
the phrase, " a little knowledge is a dangerous
thing " comes to mind....

42.

aman's Gravatar aman

March 23, 2012 at 5:45 pm | Permalink

kepada Nikmat, saudara amin tan bukannya saudara hilal. saudara hilal mempunyai platform sendiri untuk menjawab pertanyaan tun (tak perlu nak menyamar). Jawapan untuk persoalan Tun telah dijawab lebih seminggu yang lalu. Sila lihat di sini.

<http://langitilahi.com/7734>

(dah ada yg post as comment kt sini, maybe ada yg tak sempat go through).

abdulazizomar: sila rujuk surah an-nisaa ayat 59 (wajib beriman ke atas al Quran dan as Sunnah).

harap dapat diperbetulkan andai ada silap dan salah

43.

rabani's Gravatar rabani

March 23, 2012 at 1:34 pm | Permalink

Salam keselamatan buat semua pembaca, pengikut blog yang berbahgia Tun.

Salam kesejahteraan buat Tun dan sekeluarga semua. Semuga Tuhan melindungi Tun dan sekalian jemaah blog ini di rahmati dgn keberkatan yang berpanjangan.

Doa kepada Allah yang Memberi kurnia kesihatan dan umur yang panjang kepada Tun khasnya agar dapat kita berkongsi TIME CAPSULE kelak.

Untuk adik Hilal saya masih dok tunggu response beliau sebagai penutup kata ruangan ini. Biar puas hati semua pemberi komen dan hujah hujah pendebat yang masih bergelora jiwa mereka.

Dan untuk saya, mendengar semua pandangan dan akan pilih yang terbaik.

Untuk semua saya ucapkan syabas atas usaha dan niat yang baik

untuk menjadikan umat Malaysia, melayu amnya, Muslim khususnya agar lebih memahami perlunya kesederhanaan dalam

kehidupan bermasyarakat.

Pada saya apa yang terjadi ini kalau Karam Singh Walia putuskan ialah dari peribahasa “Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapak”

Perdebatan ini telah lama dimulakan dan tidak akan berakhir sehinggalah kita dihadapkan di Hari Pembalasan dan keputusan diberi oleh yang Maha Adil kelak.

This is not a new thing. There is nothing new under the sun and

there is nothing original except The Quran which told us to use your brain, watch, listen and feel to understand what is what.

Tetapi untuk mereka yang tak mampu menggunakan perkara diatas Allah tidak akan membebani jiwa mereka malah meyuruh mereka menggunakan secara optimum deria dan usaha mereka kearah kebaikan.

Untuk adik Hilal saya ingin memberitahu, pembelajaran anda

mestilah diteruskan dan carilah, pilihlah arahnya agar hasilnya nanti menjadi teladan dan kebanggaan bangsa sejagat.

Kemudian nanti sejarah akan dapat ditulis semula you are better than Tun Dr. Mahathir or Nik Aziz malah lebih baik lagi jika the whole world dapat mengikuti undang undang Islam yang anda cipta dan dipersetujui dan di ikuti oleh masyarakat antarabangsa.

Jangan cuma menang sorak dan juara kampung.

Ucapan keselamatan sekali lagi untuk semua,
maafkan kesalahan perkataan dan perbuatan saya.

Sekian.

44.

hanifwahid's Gravatar hanifwahid

March 23, 2012 at 9:38 am | Permalink

" Saya pegang kuat kepada hadith asalkan ia tidak berbeza, bercanggah dan menafi ayat-ayat Al-Quran. "

Really?

Topic "Gambling" in the Quran

" Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah – apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir"(2:219)

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (5:90)

"Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?" (5:91)

<http://web.quran360.com/site/viewTopic/349>

45.

Nikmat's Gravatar Nikmat

March 22, 2012 at 10:05 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

Tuan Guru YAB Tun Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah swt.

Mohon izin:

1. Sdr Amin tan tu ternampak semacam adik hilal asyraf.

2. Semua orang Islam di Msia bersetuju dengan Hukum Hudud, kerana itu adalah perintah Allah swt. Orang UMNO sentiasa menjelaskan akan kebenarannya dan beriman kepadanya.

3. Hanya hamPAS yang memeralatkan Hukum Hudud kerana itu adalah peluang untuk menang pilihanraya, tidak lebih dari itu.

46.

parameswara 2's Gravatar parameswara 2

March 22, 2012 at 2:55 pm | Permalink

Dearest Tun

1-Imam al Ghazali,Imam Shafie dll adalah manusia biasa sahaja.Mereka tak maksum langsung.semua penulisan mereka adalah hasil kerjatangan mereka sendiri dan bukan wahyu.

2-Kepercayaan kepada kitab karangan imam2 ini tidak termasuk dalam rukun iman.jadi hkalu kita tidak pernah membaca hasil penulisan mereka tidak sedikit pun mengurangkan kelayakan kita untuk berhujah tentang agama islam. .

3-Janganlah kita terlalu mendewakan imam2 ini sehingga apabila kita bercerita kisah mereka seolah2 kita sedang bercerita riwayat seorang nabi,seolah 2 mereka tiada cacat celanya.

4-Mereka seperti telah di naik taraf dah.Kononnya ada diantara mereka ni boleh melakukan mukjizat..Inilah masalahnya bila dah taksud dengan ulamak2 sebab banyak cerita telah disensasikan oleh pengikut2 fanatik mereka.

5-Wallahualam.

Thanks Tun

47.

safrizal's Gravatar safrizal

March 22, 2012 at 2:08 pm | Permalink

As salam

Daging khinzir adalah merbahaya dan boleh memudaratkan seseorang. Jika anda bekerja di hospital dan melakukan research keatas pesakit, anda boleh mengetahui bahawa terdapat pelbagai penyakit disebabkan khinzir.

Bakteria di dalam khinzir hanya dapat dibunuh dengan menggunakan air dan tanah mengikut kajian yang di lakukan oleh researcher di america. Ia adalah sama seperti ape yang di tulis di dalam al-quran.

Khinzir guna adalah pembawa cacing pita yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit. Selain dari itu, jika di lihat dimalaysia, pelbagai penyakit disebabkan oleh khinzir.

48.

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

March 22, 2012 at 1:29 pm | Permalink

Everybody.

sedikit dari Surah Ar-Rum.

“[31]

Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertaqwalah kamu kepadaNya; dan kerjakanlah sembahyang dengan betul sempurna; dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik -

[32]

laitu orang-orang yang menjadikan fahaman ugama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak; tiap-tiap puak bergembira dengan apa yang ada padanya (dari fahaman dan amalan yang terpesong itu).”

still tak paham, dont know what to say.

49.

anakpagoh's Gravatar anakpagoh

March 22, 2012 at 7:40 am | Permalink

Assalamualaikum pembaca2 sekalian.

Saya tak bercadang untuk memetik mana2 ayat Al Quran atau hadis sebab saya bukan ahli dalam bidang ini. Mungkin Tun dan adik Hilal dan sesiapa yang menulis di ruangan comment ini adalah ahli dalam bidang ini. Takut tersalah ayat dan hadis, akan membinasakan saya nanti. Ilmu tak seberapa, cuma rasa bertanggungjawab untuk mengajak diri saya dan semua para pembaca sekalian menggunakan akal fikiran dalam membicarakan hal ini, mudah-mudahan Allah rahmati usaha saya ini, sekiranya dapat memberi manfaat, dan ampunkan saya kalau saya tersilap.

Saya ada terbaca dalam buku Dr. Danial Zainal Abidin, "Islam The Misunderstood Religion" tentang Dr. Gary Miller yang memeluk islam setelah mengkaji Al Quran. Menurut beliau, dalam Al Quran banyak cabaran dan persoalan yang membuatkan kita menggunakan akal untuk mengkaji setiap persoalan tersebut dan akhirnya kita akan bertemu dengan jawapan kepada persoalan-persoalaan tersebut. Ada jawapan yang baru ditemukan selepas sekian lama Al Quran di turunkan. Tak hairan lah ramai orang bukan Islam memeluk agama kita yang satu ini, kerana mereka menggunakan akal yang Allah s.w.t berikan.

Masa kecil dahulu saya selalu takjub dengan silap mata, dan selalu tertanya-tanya bagaimana mereka melakukannya. Bila akal tak dapat menerimanya, saya akan katakan itu sihir, macam yang orang lain juga. Semakin saya dewasa, dengan akal saya semasa di tahap itu, baru saya tahu bagaimana mereka melakukannya.

Saya juga selalu memikirkan macam mana suara kita dan elektrik boleh melalui sepasang kabel beratus-ratus batu jauhnya. Dengan akal juga lah, setelah membaca, saya dapat jawapannya.

Saya bukannya mengkaji, tapi ada orang lain yang lebih pakar dalam bidang tersebut mengkaji. Saya hanya dapat jawapannya melalui pembelajaran dan ilmu.

Jadi kenyataan Tun "hukum hudud bukan dari Al Quran, tetapi ciptaan ulama fiqah" harus saya cari jawapan dengan akal saya dahulu. Saya harus mencari sumbernya. Bila dan di mana Tun mengeluarkan kenyataan tersebut. Kalau ada di youtube, bolehkan saya percaya? Mungkin kenyataan itu di luar konteks, sebab tak dengar sepenuhnya. Saya kena cari siapakah yang betul-betul mendengar kenyataan tersebut? Berapa ramai? Boleh kah kita percaya orang itu? Orang itu ada kepentingan atau tidak? Apa latarbelakang orang itu? Kalau dah ramai sangat orang yang saya jumpa kata itu memang kenyataan Tun, tapi ada sedikit versi-versi yang berlainan, saya rasa saya takkan terus percaya lagi memang itu yang Tun maksudkan. Saya akan tanya orang2 yang pakar mengenai Tun, yang selalu rapat dengan Tun dan orang-orang yang selalu mengkaji ucapan Tun. Mungkin bahasa kiasan, atau lentok-lentok bahasa yang Tun gunakan agak tinggi untuk orang awam seperti saya faham. Tapi dalam keadaan ini, saya

terlupa yang sebenarnya senang sangat saya nak mengesahkan kenyataan Tun, sebabnya, Tun dan saya masih diberikan nafas oleh Allah s.w.t dan saya boleh terus tanya Tun sahaja untuk mencari jawapannya. Kalau saya sudah dijemput oleh Allah s.w.t dahulu, itu sudah tak menjadi persoalan lagi. Tapi kalau Tun yang dijemput oleh Allah s.w.t dahulu, bagaimana saya nak mencari jawapannya?

Jadi sekarang Rasulullah s.a.w sudah lama meninggalkan kita. Bagaimana kita nak pastikan apakah betul apa-apa hadis atau sunnah yang Baginda s.a.w tinggalkan? Akal saya terhad untuk memastikan kesahihannya. Jadi saya terpaksa bergantung kepada orang-orang yang ahli dan pakar dalam bidang tersebut. Saya takkan tanya kesakitan yang saya sedang alami kepada pakar bius. Dia mungkin akan boleh bagi idea sahaja, tapi untuk mengetahui secara khusus, saya rasa memang mustahil. Dan dia mungkin tak berani nak bagi pendapat pun, sebab mungkin menyebabkan nyawa kehilangan saya.

Saya rasa mungkin boleh menggunakan akal saya semahunya, tapi setiap sesuatu di dunia ini ada hadnya. Meski pun Nabi Muhammad s.a.w yang maksum itu pun, ada hadnya, iaitu kewafatan Baginda. Akal saya terhad untuk memikirkan hal-hal tentang akhirat, syurga dan neraka, Israk Mikraj rasulullah s.a.w, kelahiran nabi Isa a.s tanpa bapa. Di mana saya boleh mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan ini? Saya patut mencari orang yang arif, dan ada sesetengah perkara saya harus akur pada had akal fikiran saya dan wajib mempercayainya sebagai asas-keimanan saya tanpa cuba mencari sebabnya.

Ada juga persoalan-persoalan dalam hal-hal agama yang saya takut untuk menggunakan akal untuk mencari jawapannya, seperti kenapakah menyimpan janggut merupakan sunnah Rasulullah s.a.w, apa yang Baginda s.a.w pakai, makan dan segala-galanya.

Jadi persoalan tentang hukum Allah ini, biarlah orang-orang yang lebih arif dalam bidang tersebut mengkajinya dan pasti ada jawapannya di situ. Siapalah saya untuk memperkatakan tentang ini semua. Saya cuma perlu yakin yang tak berbelah bahagi bahawa yang datang dari Allah s.w.t dan Nabi Muhammad s.a.w adalah benar sebenar-benarnya. Dan saya perlu menanamkan dalam diri saya, yang syurga dan neraka bukan sesuatu yang dapat saya jangkau. Sebaik-baik manusia belum tentu syurga tempatnya dan sejahat-jahat manusia belum tentu neraka tempatnya. Itu semua dalam pengetahuan Allah s.w.t jua. Saya hanya boleh berusaha yang terbaik untuk kehidupan akhirat saya, dah saya harap pembaca sekalian pun begitu juga.

Saya yang hina.

50.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 21, 2012 at 11:29 pm | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya bertanya kepada Amin Tan

Surah Bakharah ayat 1 :“Quranlah kitab yang tiada ragu2 lagi bagi orang2 yang taqwa”

Habis kenapa masih ada lagi orang yang mengikuti kitab lain untuk beriman kepada Allah? Sedangkan saudara sendiri menggunakan ayat di atas untuk membuktikan kepada saudara SQB tetapi saudara sendiri tidak memahami akan maksud ayat itu yang amat jelas mengatakan Quran itu tiada keraguannya bagi orang yang bertakwa.

Jadi sekarang persoalannya, jika saudara masih lagi mahu percaya kepada hadith, apa bukti dan ulasan saudara untuk menidakkan kebenaran ayat al Quran di atas?

Sekian, terima kasih!

51.

SQB's Gravatar SQB

March 21, 2012 at 8:03 pm | Permalink

Salam Tun Dr. Mahathir dan para pembaca blog,

Saudara amin, mungkin saudara salah faham apa yang saya tulis. Saya tidak kata bahawa khinzir itu haram semata-mata kerana ulat tersebut? Saya kata bahawa jika dikaji dalam sains, didapati bahawa khinzir seekor binatang yang kotor dan mejijikkan dan juga penyebab utama Selsema BABI (Sebagai contoh). Sebagai seorang Muslim yang mentaati agama, saya 100 peratus tidak meragu-ragui Al-Quran.

Walaubagaimanapun, saya menyatakan bahawa kajian sains itu MENYOKONG larangan Allah dan bukannya SEBAB laranganNya terhadap pemakanan khinzir. Setiap satu larangan Allah itu ada manfaatnya kepada manusia. Arak memudaratkan kesihatan dan menyebabkan manusia hilang kawalannya terhadap badan sendiri. Judi pula merugikan penjudi serta memporak-porandakan keluarganya disamping menyebabkan musibah-musibah yang lain.

Saudara, akur kepada arahan dan teguran secara buta, itu “bodoh” namanya. Perkara ini memang benar bahawa kata-kata Allah itu adalah tersempurna dan langsung TIDAK boleh disyaki mahupun diragu-ragui. Namun segala larangan Allah itu masih perlu direnungi demi memapankan iman diri sendiri serta melihat keAgungan dan keBijaksanaanNya.

Perasaan ingin tahu rasional sesuatu perkara merupakan fitrah manusia. Sebagai seorang Muslim, saya tidak pernah meragu-ragui larangan Allah terhadap khinzir. Apabila saya membuat penyelidikan yang lebih mendalam tentang haiwan tersebut, iman saya kepada Allah itu MENINGKAT! Saudara,

bukankah perkara sedemikian bagus?

Sekiranya saudara masih lagi tidak setuju atau keliru, sila membaca komen "eat-halal guy" di sini: <http://www.sunniforum.com/forum/showthread.php?1979-ANSWERED-why-is-pork-haram>

Akhir sekali, mengenai orang putih, Cina dan Jepun yang makan khinzir, itu nasib masing-masing. Terdapat orang yang menghisap begitu banyak batang rokok sehari tetapi tidak dijangkiti kanser. Ada orang yang berzina tanpa had tetapi tidak dijangkiti virus HIV. Ada orang yang berjudi tetapi tidak pernah kalah. Itulah sifat Allah yang Maha Pemurah lagi Pemaaf. Dia memberi hamba-hambaNYa peluang membaiki diri sendiri dan mengikut jalan yang benar walaupun terima atau tidak.

Itulah pendapat saya, tetapi Allah lebih tahu.

52.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 21, 2012 at 7:55 pm | Permalink

Kepada abdulazizomar dan Tun M,

Sekiranya niat 'murni' kamu memartabatkan quran itu ikhlas kerana Allah, maka tindakan kamu mengenai perkara ini wajar disokong. Akan ttp perbuatan kamu yg memperlekehkan sunnah nabi mesti dihentikan segera. Perkara yg paling saya tak suka dgn 'geng2' kamu ialah kamu memperlekeh nabi dan para sahabat.

Sebarang usaha utk menghidupkan kembali quran dlm kehidupan manusia saya hargai. Ttp landasannya mesti betul. Perbuatan kamu yg membandingkan quran dan hadis itu salah secara total. Setakat yg saya belajar tak ada hadis yg bercanggah dgn wahyu Allah. Sekiranya ada hadis bercanggah sesama hadis, disitulah gunanya huraian yg disampaikan org imam2 mazhab.

Sekiranya kamu ikhlas dalam mencari kebenaran, saya doakan supaya Yg Maha Esa memberi kamu, Tun M , saya dan sekalian umat hidayat,petunjuk.

Sekiranya kamu ada maksud selain itu,renungkanlah kembali alqasas;55, dan alfurqan;63. Wallahu'alam.

53.

fbm's Gravatar fbm

March 21, 2012 at 6:38 pm | Permalink

Assalamualaikum w.b.t. Tun dan saudara sekalian,

1. Maaf kerana lewat di dalam perbincangan ini. Ini kerana saya rasakan saya tidak tahu latar belakang 'posting' dan amat cetek pengetahuan di dalam bidang ilmu ini.

2. Nasib baik ada youtube dan ruang komentar yang luas (termasuklah 'freedom of speech to discuss' di dalam blog Tun ini), dapatlah saya tahu serba sedikit tentang latar belakang 'posting' ini. Saya tidak mahu meneka di dalam gelap dan membuat konklusi tanpa tahu usul periksa.

3. Bila saya lihat rakaman video ulasan Tun tersebut, nyata Tun telah menekankan di dalam al-Quran terdapat sekurang-kurangnya 43 ayat menegaskan mengenai keadilan di dalam melaksanakan hukum. Saya rasa, itu adalah 'keyword' Tun. Tapi sayangnya ramai yang buat tidak dengar bahagian tersebut dan fokus pada ayat-ayat 'support' yang lain. Saya tabik kepada Tun kerana membaca, mengingati, dan cuba memahami ayat al-Quran sehinggakan masih ingat terdapat 43 ayat tersebut. Saya akui, saya masih jauh ketinggalan dari Tun dalam cuba memahami ayat al-Quran. Yang lain macam mana?

4. Cantiknya perkembangan ilmu Islam kerana ianya dikukuhkan dengan hujah-hujah dan sanad-sanad yang kukuh. Dimana ianya kini diadaptasikan oleh ahli-ahli sains dunia seperti melakukan 'references' dalam jurnal dan kertas kerja penyelidikan terkini. Begitu juga pembahagian hukum yang dinamakan hudud, qiyas, takzir, dan dhiya' (maaf kalau tersilap) juga adalah menyeluruh. Yang penting kesemuanya disandarkan kepada kitab al-Quran dan disokong oleh sunnah, kerana al-Quran telah nyata keutuhannya dan as-Sunnah adalah pelengkap yang tidak boleh bercanggah dengan al-Quran.

5. Bagi saya, hujah-hujah Tun sebelum ini bukan menidakan hukum yang ditetapkan di dalam al-Quran dan bukan juga menidakan sunnah Rasulullah S.A.W. kesayangan semua. Had atau hudud tersebut ditegaskan ada dan qati'. Kerisauan sebenarnya adalah perlaksanaannya, adakah ianya adil? Adakah versi pelaksanaan manusia keatas hukum Allah (hudud) tersebut menepati maksud dan keadilan terhadap semua sepertimana dinyatakan Allah S.W.T. di dalam al-Quran?

6. al-Quran diturunkan di dalam bahasa arab bagi mereka yang berfikir. Perkataan-perkataan di dalam bahasa arab kadang kala tidak dapat dijelaskan dengan baiknya di dalam bahasa kita. Samalah seperti kita cuba menterjemahkan perkaatan bahasa inggeris ke dalam bahasa melayu, ada kalanya lebih baik difahami di dalam bahasa asal. Tafsir al-Quran juga melalui terjemahan dan fahaman penafsir yang bijak dan luas ilmunya, insyaAllah ianya bertepatan dengan maksud yang perlu disampaikan. Tafsir adalah sumber yang terbaik bagi kita 'non-native speaker' dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Namun penguasaan bahasa asal adalah perlu jika ingin mendalaminya lebih lanjut.

7. Sekali lagi, saya masih jauh ketinggalan di dalam menguasai ilmu bahasa ini. Walaupun kita telah faham bahasa tersebut, jangan sekali-kali terus mengatakan kita arif dalam al-Quran. Ilmu al-Quran itu luas dan banyak perlu diketahui dalam menafsir maksud ayat al-Quran seperti konteks ayat dan maksud sebenar.

8. Hypochondriasis of medical student. Saudara Hilal Asyraf adalah seorang pelajar yang bijak dan bersemangat untuk kembali dan berkongsi ilmu yang telah beliau pelajari. Hujah-hujah saudara adalah cantik dan berasas. Mereka yang sebegini adalah mereka yang mempunyai visi di dalam hidup dan harus di'guide' supaya ilmu, semangat, cara, dan matlamatnya sentiasa dilandaskan yang benar. Apa yang telah dialami oleh saudara Hilal Asyraf boleh saya katakan sama dengan apa yang dialami pelajar-pelajar perubatan iaitu situasi yang diberi nama 'medical students disease'. Let us say it is a sort of hypochondriasis of religious student. Saya pernah dan kadang kala masih mengalami 'penyakit' seumpama ini (di dalam bidang saya), iaitu apabila saya memikirkan apa yang saya telah baca dan pelajari adalah muktamad dan betul. Semangat + hypochondriasis adalah eksklusif bagi mereka yang benar-benar khusyuk di dalam apa yang dipelajari. Tahniah ustaz Hilal Asyraf, saya mendoakan kejayaan saudara. Imam Bukhari pun berguru dengan ramai guru sebelum membukukan hadith Rasulullah S.A.W., insyaAllah saudara dapat lebih meluaskan ilmu saudara dan berkongsi lagi dengan kami. Apa-apa pun, perlu berhati-hati dengan 'disease' tersebut. Saya rasa Tun Dr. lebih memahami mengenai 'disease' tersebut.

9. Seperti kisah Hasan dan Husin menegur wudhu', ada cara yang berhikmah dalam menyampaikan mesej. Mungkin itu yang telah dilakukan oleh saudara Hilal dalam penjelasan kali kedua saudara. Namun saya masih mencari-cari jawapan bagi persoalan pelaksanaan Hudud yang Tun ajukan. Adalah cantik jika jawapan tersebut dibincangkan secara intelektual dan bukan dengan penegasan tanpa alas.

10. Jazakallah hair saudara Amin Tan. Saudara Amin Tan telah menjelaskan mengenai keperluan keimanan dan ketaatan menuruti suruhan Allah S.W.T tanpa memerlukan sebab serta beliau juga menekankan limit pemikiran manusia. Besarnya isu menghukum ini, kerana yang benar-benar berkuasa menghukum hanyalah Allah S.W.T. Kesimpulan saya, perlulah menerima dan melaksanakan hukum Allah dengan pelaksanaan yang adil.

11. Akhir kata bagi mereka yang taksub dengan kumpulan tertentu, Islam itu bukan eksklusif untuk kumpulan tertentu sahaja. Tidak bermakna jika seseorang itu tidak mengikuti pergerakan tersebut, dia tidak Islam. Semoga umat muslim disatukan dibawah akidah Islam, tidaklah perlu kita dipisahkan hanya kerana berlainan parti, pertubuhan, persatuan, atau pergerakan. Amin.

Wassalam.

fbm

54.

siti salwani md shah's Gravatar siti salwani md shah

March 21, 2012 at 4:07 pm | Permalink

Tun,

boleh tak nak bagi pendapat simple macam cucur badak? yang lepas usdahlah lepas. di bincangkan hanya jadi polemik ahli pendidik dan ahli poilitikus. by now... bagi pemahaman jelas pada nonmuslim yang hudud serta apa-apa hukum islam pun hanya untuk orang islam yang subjek kepada mahkamah syariah. FULL STOP!! DEAD END!!! saya seriusnya nasib baik bukan ahli politik tapi saya muak dengan ayat2 tak sudah tapi buatnya tidak. and for this saya salut habis pada keberanian PAS.. hehe

55.

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

March 21, 2012 at 1:27 pm | Permalink

Good Day to all of you.

I am not understand why PAS said that Hudud laws only applicable to MUSLIM only? why not to all of the people?

ISLAM is not universal? or there is another religion call "ISLAM PAS"?

If there is another religion "ISLAM PAS", no wonder PAS people agreed "tuhan mencarut".

So why JABATAN AGAMA ISLAM dont want to act on this ajaran sesat? You love them to be sesat?

Please ACT in the name of ALLAH.

56.

yuzz's Gravatar yuzz

March 21, 2012 at 1:12 pm | Permalink

Salam,

Alhamdulillah, dengan limpah kurniaNya, buat julung2 kalinya saya diberi kekuatan untuk memberi komen di sini. Terlebih dahulu, saya memohon maaf sekiranya ada diantara coretan saya ini, mengguris hati mana-mana pihak. Sesungguhnya, Allahlah yang menggerakkan hati, akal, jari-jemari ciptaanNya ini agar kita sama2 dapat berkongsi kenikmatan, kekuasaan dan ilmuNya.

Syukur ke hadrat Allah kerana negara kita masih aman makmur dengan rahmat dariNya.

Terima kasih kepada Tun, dengan kekuasaan Allah jua, Tun Berjaya memimpin Malaysia, masih sihat dan dapat membuahkan akal fikirannya dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Tahniah kepada Hilal kerana dengan kekuatan daripadanya, beliau berjaya membuat teguran dengan cara yg penuh hormat sekali. Saya juga faham keadaan Hilal bila mana beliau mengalami masalah untuk memasuki blog ini kerana adakalanya, saya juga tidak dapat memasuki blog ini disebabkan host .CC yg disekat oleh sesetengah service provider.

Maaf. Setelah membaca beberapa komen, saya mendapati bahawa kebanyakannya yang menolak hudud hanyalah berdasarkan pemahaman politik dan kekurangan pemahaman mengenai Islam. Apa yang saya dapat lihat, masing2 hanya menegakkan pendirian masing2 tanpa mengambil iktibar atas satu ketentuan itu. Saya bukanlah daripada golongan ulama, saya juga bukan mewakili mana-mana parti politik, saya hanyalah hamba Allah yg hina, dan tidak pernah lari daripada dosa. Dengan ilmu yang sedikit ini, harapnya dapat dimanfaatkan untuk kepentingan negara dan Islam.

Seperti yang semua orang maklum, dunia ini sedang menuju ke penghujungnya. Antara tanda2 kiamat, ialah apabila ilmu diangkat. Terlalu ramai orang berilmu, tetapi ilmu yg salah itu yg diagungkan. Ramai orang berilmu, tetapi tidak boleh berfikir menggunakan akal dan berpandukan al-quran dan hadis. Terlalu ramai orang berilmu, tetapi ilmu yg salah itu yg diagungkan. Oleh yang demikian, kita umat Muhamad saw di akhir zaman ini, mestilah sentiasa berhati-hati, menggunakan akal untuk bertindak dan bermohon kepadanya agar sentiasa terpelihara iman kita.

Siapalah kita yg hina ini untuk menolak hak Allah? Kita perlu tahu bahawa tidak ada satu pun di dunia ini adalah milik kita. Semuanya adalah milik Allah. Kita MESTI patuh perintah Allah.

Saya yakin, kepimpinan negara ada sebabnya untuk tidak mengamalkan sistem hudud di Malaysia. Tetapi, secara peribadi, adalah tidak wajar untuk kita menolak secara terang-terang mengenai hudud. Kita terlalu memandang remeh dengan kekuasaan Allah dan menolak ketetapan firman Allah melalui Al-Quran. Tidak salah jika diwujudkan satu institusi untuk membangunkan sistem perundangan Islam dalam semua aspek salah laku, bukan saja dari segi aspek kahwin, cerai, hak penjagaan anak. Saya bukanlah pakar dalam bidang ini, tetapi sekurang-kurangnya, ilmu perundangan Islam dapat diangkat, dimanfaatkan dan diaplikasikan di negara ini. Kalaupun tidak secara menyeluruh, mungkin secara berperingkat. Allah itu maha mengetahui akan kelemahan hambaNya untuk tidak mengamalkan sistem hudud, tetapi kita tidak ada hak untuk mempertikaikan atau menolak hukum Allah. Allah yang mencipta kita dan sesungguhnya Allah sahajalah yg maha mengetahui apa yang terbaik untuk hambaNya.

Islam juga menyuruh kita agar berusaha, jadi, tidak salah untuk kita berusaha untuk mengamalkan perintah Allah itu. Saya pasti, jika kita berusaha untuk ke jalan Allah, Allah akan membantu kita, mungkin dengan ganjaran yang berlipat-lipat kali gandanya. Bagi saya, itu adalah lebih banyak manfaatnya jika dibandingkan dengan pembangunan penjara yg menelan kos yg tinggi dan pesalah banduan diberi makan dan minum secara percuma. Sedangkan, di luar ini, masyarakat bergelumang dengan masalah ekonomi dan kewangan keluarga yg pincang.

Islam juga tidak pernah menolak kemanusiaan, jika hukum ini diteliti dan dikaji secara adil, saya yakin bahawasanya bangsa asing juga akan dapat menerima seadanya. Mungkin dengan hidayah daripada Allah, bangsa asing juga akan mula meminati hukum tersebut dan sekaligus meminati Islam. Bukankah itu satu hikmah tersirat yg sangat besar manfaatnya kepada sebuah Negara Islam seperti Malaysia. Golongan Cina yg beragama Islam, golongan India yg beragama Islam, golongan Melayu yg beragama Islam...sama2 dapat membangunkan Negara Islam...Islam itu indah...tetapi sayangnya umat Islam sendiri tidak pernah ada minat untuk mendalami Islam. Apa yang menjadi masalah lewat ini ialah manusia lebih takut dengan hukuman manusia. Anak takut kepada ibu bapanya, anak murid takut kepada gurunya, pesalah takut kepada polis, pekerja takut kepada majikan, rakyat takut kepada raja. Kesannya, lahirlah pelbagai masalah yang tidak pernah terfikir dek akal manusia kebelakangan ini.

Kita patuh kepada tuntutan manusia, tp sayangnya kita menafikan tuntutan Allah...

Tidak ada sebab untuk kita tidak patuh kepada Yang Esa, kerana Dia yg Maha Mencipta...

Kita sering lupa siapa kita...dan kita sering lupa siapa Allah...Jika kita merasakan diri kita ini lebih hebat daripada Allah, silalah cipta 'Bumi' sendiri, buat peraturan sendiri, mungkin itu lebih baik daripada menumpang di bumi Allah yang sementara ini.

Semoga Allah memelihara kita supaya tergolong dikalangan hamba-hambanya yang beriman dan bertaqwa kepadanya...wallahualam...sekali lagi saya memohon maaf sekiranya coretan saya ini mengguris hati mana-mana pihak. Tiada daya daripada saya melainkan daya daripada Allah swt.

57.

amin tan's Gravatar amin tan

March 21, 2012 at 1:26 am | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya jelas kepada SQB yang berhujah.

" Segala hukum Allah mempunyai hikmahnya tersendiri. Saudara berkata bahawa khinzir itu haram tanpa logik. Di sini saudara perlu membetulkan persepsi anda. Allah yang Maha Esa mengharamkan khinzir itu bagi kesihatan dan kesejahteraan manusia dan ini dapat dibuktikan melalui kajian sains. Melalui kajian, didapati bahawa daging khinzir itu mengandungi ulat yang merbahaya serta sukar dibunuh tidak kira berapa lama ianya dimasak. Selain itu, khinzir itu mempunyai gaya hidup yang amat menjijikkan. Tahukah saudara bahawa khinzir itu mampu makan apa-apa sahaja termasuk sampah sarap dan najis? Di sini, nampaklah hikmah larangan Yang Maha Bijaksana! Jelaslah bahawa penggunaan akal dalam keadaan ini mampu memapankan iman dan menggalakkan umat mematuhi larangan Allah SWT. Begitu juga dengan ulasan Saudara yang lain seperti Solat dan meminum arak."

Saudara mengatakan daging babi diharamkan kerana mengandungi ulat bahaya, adalah rekaan SQB sendiri, atau hadis daif atau rekaan ahli fekah semata-mata bukan dari Al Quran. (surah Al Maedah ayat 3) Tidak munasabah daging babi mengandungi ulat bahaya sedangkan orang putih, orang Cina dan orang Jepun yang hari2 makan babi begitu gagah, bijak dan rajin.

Orang islam tidak makan babi kerana Allah, bukan kerana ulat atau bahaya. Begitu jugalah orang2 islam menunaikan rukun islam seperti berpuasa di bulan Ramathan kerana Allah bukan kerana kesihatan atau slimming.

Saya tidak menganjurkan supaya orang2 islam jadi bodoh dan tidak guna akal fikiran. Saya menyatakan orang mukmin taqwa kepada Allah. Samiakna wa atokna. SAMIAKNA WA ATOKNA. Jangan kita jadi lebih pandai dari Allah.

Setiap yang hidup pasti mati. Kita semua akan mati dan kita tidak datang lagi ke dunia ini buat selama lamanya.

Surah Bakharah ayat 1 "Quranlah kitab yang tiada ragu2 lagi bagi orang2 yang taqwa"

amin tan

58.

mgpunya's Gravatar mgpunya

March 20, 2012 at 1:30 pm | [Permalink](#)

YABhg Tun,

Abdul Kadir quits Umno after 56 years, ..reads the Malaysian Star, today. I would have saluted him if he did exactly that while holding position in the government back then, just like what you did, sir. On his accusation that BN bought votes during the 2008 election, why only 2008..? What about when he was still with the government holding a cabinet post, back then...

59.

Mis_bah's Gravatar Mis_bah

March 20, 2012 at 12:16 pm | [Permalink](#)

Assalamu Alaikum Tun,

Saya cuma berharap bakal2 ilmuan kita supaya mendalami ilmu dalam pelbagai disiplin sebelum berani membuat kenyataan umum kerana kita kluatir ilmu yang tidak matang akan disesali dikemudian hari oleh bakal ilmuan sendiri. Amatlah menyedihkan apabila sudah ada pihak yang menerima ilmu tidak matang berkenaan dan mengamalkannya, kemudian bakal ilmuan itu baru hendak menarik balik kenyataan terbuka yang pernah dibuatnya..

60.

HBT456's Gravatar HBT456

March 20, 2012 at 8:41 am | [Permalink](#)

Good morning YAB,

1. Tuesday March 20, 2012

Cops: Girl may have run away

KUANTAN: The disappearance of a 15-year-old girl here has led to conflicting versions between her family and the police.

While her two siblings have claimed that she was abducted in broad daylight while walking along a busy street here, authorities believe that she might have run away.

According to her siblings, Siti Nur Fatihah Mahadi (pic at right) was heading to a shop in Jalan Tas 2 to top up her handphone credit on Sunday when a car suddenly stopped in front of them and a man pulled her in.

Her adopted sister Siti Nurul Aisyah, 11, said although she and her brother Mohamad Syahmi Aiman, 11, struggled to pull their eldest sister back, they were elbowed away by the man.

“My sister was shouting for help. My brother and I tried to save her but we could only watch as the car sped away,” she said at their home at Taman Tas here yesterday.

Siti Nurul Aisyah said a Malay woman was driving the deep purple car, adding that there was another man in it. She claimed that she did not recognise any of them.

However, Kuantan OCPD Asst Comm Mohd Jasmani Yusoff said they believed that Siti Nur Fatihah had run away with her friends.

“Witnesses said she told someone on the phone that she wanted to run away from her mother. A car then came and picked her up in front of the handphone shop.

“There was no screaming or anything that looked like an abduction,” he said.

ACP Mohd Jasmani said the case was still being investigated, adding that the police would track down her whereabouts.

Meanwhile, Siti Nur Fatihah’s mother Normala Mohd Lazin said her children had come home crying at about 3.20pm.

“They told me what happened. I immediately tried to call my daughter’s handphone but it was switched off,” she said.

She added that she did not feel that Siti Nur Fatimah, who did not have a boyfriend, had run away.

“My daughter told me she had a bad feeling before leaving the house but she laughed it off. Please return my daughter. Please don’t hurt her,” said the distraught woman.

Teruntum assemblyman Chang Hong Seong urged those with information on Siti Nur Fatimah’s whereabouts to contact the police or her parents at 019-9813 361 and 019-9897 807.

2. Cases like this never happens in “civilized, rich and developed countries since year 2000” where parents lodged report to police that their children run away.

3. I find it rather amusing that domestic vernacular papers always ballooned news like this assuming that we are still in the 90s.

4. It is time for the Ministry to liberalize internet news by allowing them to charge subscription fees if PM is serious in transforming our people with high income.

Good day, YAB.

61.

sekadarberfikir's Gravatar sekadarberfikir

March 20, 2012 at 5:13 am | Permalink

assalamualaikum Tun,

saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Dr.Fikir...

“memang ramai yang gagal memahami apa yang cuba Tun sampaikan”. saya sendiri tidak faham 100% apabila pertama kali membaca atau mendengar apa-apa yang Tun M sampaikan. apabila ada sesuatu isu terutamanya isu-isu yang dibawa oleh Tun M, acapkali saya akan bertanya kepada rakan-rakan, meneliti penggunaan ayat dan lenggok bahasa yang Tun gunakan, ‘melihat’ dari pelbagai aspek supaya faham dan jelas akan maksud sebenar apa yang Tun cuba sampaikan. saya bukanlah nak mengatakan bahawa saya faham 100% peratus apa-apa sahaja yang Tun M sampaikan tetapi alhamdulillah bolehlah saya berkongsi dengan rakan-rakan sedikit ilmu yang Tun sampaikan melalui penulisan dan sebagainya.

kepada adik Hilal Asyraf dan juga pembaca-pembaca blog, diharapkan agar dapat meneliti apa-apa jua isu, perkara dan hal dengan sedalam-dalamnya dan ‘melihat’ dari pelbagai aspek supaya dapat melihat yang tersurat dan yang tersirat dan tidak hanya mencari kesilapan seseorang semata-mata. Tun

M adalah orang alim (orang yang berilmu), orang yang mempunyai banyak pengalaman, berfikir lebih jauh daripada kita semua, telah 'melihat' pelbagai perkara...oleh itu, sekiranya hendak 'berbicara' dengan Tun, bukalah mata, hati dan akal fikiran dan persiapkanlah diri dengan ilmu yang paling tidak sama banyak dengan Tun M...

adik Hilal Asyraf, tamatkanlah pelajaran dahulu dan kalau boleh sambung ke peringkat yang tertinggi..bukan sahaja dalam bidang agama malahan ekonomi, bahasa, matematik, sains dan lain-lain.

...sekadar berfikir.....

62.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 20, 2012 at 3:56 am | Permalink

Pembetulan; typing error,

" Dan apabila mereka mendengar perkataan yg tak bermanfaat, mereka berpaling drpdnya dan mereka berkata"bg kami amal2 kami, dan bg mu amal2mu, kesejahteraan atas dirimu, kami TAK ingin bergaul dgn org2 jahil"

Tertinggal perkataan TAK, kesilapan taip amat dikesali

Qasas; 55

63.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 20, 2012 at 1:38 am | Permalink

Salam Tun,

Please allow me to share the writing of a so called 'anti-hadith' scholar not so long ago to all people of the world.

Why The Row Over Anti-Hadith but Silence On Quran Illiteracy?

The time may have come for us to do a final reckoning with ourselves, our people, and the international community. Never in the history of mankind have we faced such total collapse as we do

today.... Where has morality gone? Where on the face of this earth is a group or groups of moral human beings?... There is a limit to human endurance of suffering without protest; that limit has been passed!

When a group of our people in Malaysia wants to bring back the Quran to the hearts of the populace today, this is the significance and the implication. For a thousand years, Muslims have strayed so far away from God's teachings and lived in such ignorance that they are powerless to destroy the evil perpetrated before their eyes. Western civilization too has strayed far away from the teachings of the prophets, including Moses and Jesus.... Both East and West must return to God's teachings, particularly the Quran, His final, complete, perfect, and detailed scripture.

Alas, when Jema'ah Al-Quran Malaysia (Quranic Society of Malaysia or JAM) was formed precisely for this mission, a number of our leaders and intellectuals leapt up and protested. "Anti-Hadith group! Anti-Hadith group!" they screamed in accusation. What? Bringing the Quran to the people so that they would understand—this is anti-hadith? So, letting the people remain Quran illiterate, as in the past five hundred years in Malaysia, is acceptable?

I write this open letter to the nation's leaders and intellectuals in all communities in the hope that we can study this matter calmly and rationally, without hurling accusations and threats and creating an atmosphere of animosity and tension. It is with a sense of responsibility and humility that I ask this, for it is not a matter involving religious ritual, but one of life and death for our people.

In 1986, this writer published a book, *Hadis – Satu Penilaian Semula* (its English translation, *Prophetic Traditions— A Re-evaluation* will also be published, God willing) with the intention stated above. Many of the hadith compiled by Bukhari, Muslim and others that we use today, according to this writer's study, are in conflict with the teachings of the Quran. I give instances in three areas:

One, adulation of or unquestioning acceptance of the teachings of a leader. Since this principle was instilled, Muslims have feared others besides God; they have been afraid to question leaders. Hence they became slaves of the leaders, whereas the Quran exhorts us to free ourselves of all forms of subservience, except to the One God....

Two, prohibiting the use of the rational mind. Generally, Muslims are taught not to use their minds in religious matters. This teaching is spread through some false hadith. Purportedly, the use of the mind in religious matters would lead us astray. If the mind may not be used in religious matters, why may it be used in other matters? Are religious and secular matters to be kept separate? Indeed, this is what has paralyzed the intellects of Muslims in comparison with others. The minds of Muslims have been dead for a thousand years, killed by these false hadith. On the contrary, the teaching of the Quran give the mind a noble place. God deems human beings who do not use their minds worse than animals! (7:179) God bars those who do not use their minds from the fold of the faithful. (10:100)

Three, suppression of creativity. It is evident that for a long time, Muslims have not been creative. Since the thirteenth century when Islamic civilization began to decline, modern scientific discoveries and technological inventions have been made by others, particularly those who hold that human beings may know and may create progress. In the early days, Muslims were highly creative because they adhered to

the Quran's dynamic teachings, which urge Muslims to work and strive for success in this world and the next. But since they turned to the teachings of the hadith, their creativity declined, for these false hadith teach resignation to taqdir (divine pre-destination) or fatalism. Purportedly, good and evil are from God. The Malay proverb, "If you are fated to gain a cupak (a small measure of rice) you will not gain a gantang (a big measure of rice)," reflects this world-view.

All three teachings from certain false hadith are clearly in conflict with teachings in the Quran. The Islamic education system from the village pondok (rural religious seminary) right up to the Azhar university, based on rote learning and unquestioning acceptance, teaches that hadith cannot possibly be in conflict with the Quran. This would be true of hadith that are really from the Prophet. But history tells us that the hadith compilations by Bukhari and others were made between 200 and 250 years after the Prophet's death. These compilations are the responsibility of Bukhari and others, not of the Prophet. The Prophet's responsibility as God's messenger was to convey the Quran....

Some religious leaders label as apostates those who adhere to the Quran, accusing them of being anti-hadith. According to certain hadith, apostates are punished by being put to death. Are they not aware that leaders of Christian Church during the Middle Ages in Europe also put to death apostates from Christianity? Thus, this is not punishment under God's law, but one from the age of ignorance which entered the hadith through the Torah (Old Testament), which had been tampered with. (Refer to Deut. 13:5-10) Do our people know that according to the teachings of the Quran, one is given full freedom to choose one's religion? Thus, killing someone for religion is totally forbidden by God and is a great sin.

The study of the hadith has been developed into a complex one in Islam from the 9th to the 15th century. The early hadith scholars established a method of sifting out the weak hadith and retaining only the genuine ones. However, we must realize that knowledge develops, and one of the conditions for development is freedom to criticize. No philosopher, scientist or scholar is free of weaknesses, and one of the ways of overcoming weaknesses is through scientific criticism. We have seen the weaknesses of the method used by the early hadith scholars in the existence of many hadith which are in conflict with the Quran in Sahih Bukhari (Bukhari's compilation of hadith that are regarded as genuine) and others.

Now we need to review the definition of sahih or authentic hadith. Does it mean confirmed as genuine only on the basis of isnad (chain of narrators) or also on the basis of matan (meaning of text)? Between isnad and matan, which is the more important? As we are talking about the sayings and doings of the Prophet, the term sahih must be based on matan which is in line with the Quran, for the sayings and doings of the Prophet Muhammad could not possibly be in conflict with the teaching of the Quran.

It is clear why we need to do a re-evaluation. Every Muslim believes in the Quran and puts it above all other teachings. Our problem is the Quran-illiteracy of Muslims whose language is not Arabic, and of Arab Muslims whose language is Arabic. They do not know which of the hadith taught to them are in conflict with the teachings of the Quran and which are not. Many false teachings have been slipped into the hadith by foes of Islam in those days (the Jews, the Christians, the Persians) to undermine Islam from within. If Muslims wish to be great again, and surely they do wish it, re-evaluating the hadith on the basis of the Quran and understanding and practicing the teachings of the Quran are unavoidable conditions.

Certainly, when this re-evaluation is carried out, certain changes and adjustments will need to be

made in our beliefs and practices. As these changes are made to correct and improve, we need not fear making them. In fact, we should welcome them. What we should fear is going on practicing wrong traditions after knowing them to be so.

But these few changes and adjustments involve major matters:

One, we must reject adulation of leaders. We must bow only to God. All human beings are equal—none higher or lower than the other. This will rekindle the spirit of jihad (struggling in God's cause) among Muslims....

Two, we must reject taqlid (un-questioning acceptance of human authority). We must use our minds to gain knowledge. We read all books, but critically. We learn from all teachers, but without forgetting our critical faculty. In this way, we shall inherit only the good from our ancestors; the bad we shall cast aside. Thus will the Islamic intellect blossom again.

Three, we must reject fatalism. Our fates as individuals and as a nation is shaped by ourselves, not by taqdir (divine predestination). The law is: those who strive will attain; those who do not strive will not. Man cannot know his capacity until he tries. The Omniscient God knows everything from beginning to end, but man does not know what God knows. This change will revive the creativity of Muslims; and science, philosophy, art and technology will bloom again in the Islamic world.

These are the three major changes we must make as individuals and as a people when we re-evaluate the hadith on the basis of the Quran and when we return to the Quran. Is this impossible? I think not. The best ways of making these changes can be discussed and decided by our leaders and intellectuals.

As we have seen, the anti-hadith allegations hurled at us are the result of ignorance or misunderstanding on the part of the people and a handful of leaders who fear for their position and authority. These can be overcome through sincere and fair discussion. We all declare ourselves to be Muslims. What, then, prevents us from holding talks to find an amicable solution based on truth? If both sides are sincere, adhere to the spirit of brotherhood among the faithful, and base the talks on the Quran, as God commands, there is no reason why we cannot solve this problem.

We have no intention of toppling the ulama (religious scholars or leaders) or wresting away their positions. We only want the Muslims, including the leaders and the intellectuals, in our country to adhere truly to the Quran.

Some claim that this problem need not be re-opened as it was solved long ago. These people are like ostriches, burying their heads in the sand and saying there is nothing to worry about since they can see nothing! Islamic communities all over the world as well as in our country are bogged down with problems they cannot overcome. Why? Because we live in darkness. How could we see in the dark? We need to get out of the darkness by using a bright torch. That torch is the Quran.

As I stated in the beginning of this letter, the time has come for Muslims and mankind in general to return to God's teachings. Our society, both national and international, is hit by crisis after crisis; the only way we can overcome these is by returning to the teachings of the Omniscient God, i.e., the Quran. Such is the importance of the Quran to us and to the world.

God willing, you can lead to set up the discussion between the scholars and 'anti-hadith' in order to find the truth.

Thank you Tun

Thank you Tun.

64.

prof_ridcully's Gravatar prof_ridcully

March 20, 2012 at 12:29 am | Permalink

Salam Tun,

Mohon izin seorang 'latecomer' kepada perbincangan ini memberi sedikit komen.

Wah, memang topik hukum Hudud ini menarik banyak komen daripada pengunjung blog Tun.

Pertamanya, saya berasa sedikit hairan yang adik Hilal yang boleh mengendalikan blog tidak dapat mendaftarkan dirinya di dalam blog Tun ini. Katanya ada masalah teknikal. Tidak mengapa, kita terima alasannya. Seperti seorang pelajar universiti, adik Hilal telah menjawab soalan-soalan Tun seolah menjawab kertas soalan peperiksaan akhir. Walaupun demikian saya rasa beliau telah memberikan jawapan yang amat baik dengan cara yang amat sopan dan santun dan penuh dengan adab seorang berpendidikan.

Keduanya, semua orang tahu yang Tun sudah lama bergelut dengan soalan hukum Hudud dan perkara-perkara berkaitan dan saya percaya Tun telah mengkaji sendiri serta mendengar pendapat orang yang alim di dalam selok-belok Syariah sama ada dari dalam atau luar negeri. Sifat keterbukaan dan kelaziman Tun mendapatkan maklumat ini saya timba dan simpulkan daripada autobiografi Tun.

Selepas menonton video UNIMAS [Tun mendapat tepukan gemuruh di akhir jawapan daripada audiens yang saya kira rata-rata terdiri daripada penuntut] dan dari nada entri Tun ini saya rasa Tun cuba mencabar orang ramai terutamanya orang universiti untuk berfikir tentang Hudud secara kritikal agar

mereka faham hukum Syariah. Dan tidak terikut-ikut secara membabi buta orang yang mengaku 'ustaz' atau 'tuan guru.' Almaklum sekarang ini pun sudah ramai orang yang muncul di kaca TV sebagai 'ulama' serta amat gemar tampil memberi pendapat mengenai hukum-hakam ugama Islam; malah ada yang berasa layak untuk memberi pendapat mengenai semua bidang ugama Islam.

Walau apapun, hukum Hudud merupakan sebahagian kecil daripada Hukuman Jenayah Islam. Kita masih ada hukuman Ta'zir dan Qisas. Bolehkah sesebuah negeri itu dipanggil 'negeri Islam' jika kerajaannya hanya sibuk hendak menjalankan hukuman Hudud tanpa menjalankan hukuman Qisas? Mungkin Tuan Guru negeri 'Serambi Makkah' boleh menjawab.

Ketiganya ada 'pengkomen' yang tidak membaca penulisan Tun dengan teliti. Tun telah menyatakan yang beliau bukan anti-Hadith. Jadi yang anti-Hadith itu, tidak payahlah anda bersorak. Kalau orang Islam tidak mengikut Hadith dan Sunnah, seperti kata Tun, mana mungkin kita boleh melakukan solat seperti yang dituntut oleh Allah swt.

Keempatnya dan yang terakhir, kepada pengkomen yang suka, bak kata mat salleh, 'be clever,' tidak ada perkara dalam hukum-hakam Islam yang menjadi bahan gurauan atau perkara yang melucukan. Perbincangan hukum-hakam ugama — termasuklah di dalam blog — juga bukan cakap-cakap merapu. Janganlah memperlekehkan ayat-ayat al-Quran seperti yang dilakukan dengan Surah al-Maidah kerana selain daripada mendapat kemurkaan Allah swt, anda juga mengisytiharkan kedangkalan anda yang mendalam.

65.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 20, 2012 at 12:14 am | Permalink

Salam Tun,

Bagi si adik ni, saya nak tanya kalau dah dia memang memahami ajaran al quran mengenai zina. apakah hukumannya? setahu saya hukumannya ialah sebat berdasarkan al quran. Tetapi bagi sesetengah orang termasuk adik tu sendiri, mangsa yang didapati melakukan zina diwajibkan menjalani hukuman rejam sampai mati. Itu hanya ajaran berdasarkan hadith tetapi bukan al quran.

Jadi di sini, hukuman hudud yang mana yang harus kita lakukan? Hukuman berdasarkan al quran (sebat) atau hadith (rejam)? Itu yang dimaksudkan Tun Mahathir mengenai ketaksuban ramai orang yang mengikuti sebarang undang2 secara membabi buta. Tanpa usul periksa.

Di sini sudah jelas bahawasanya ramai orang di kalangan kita yang mengikuti ajaran lain dari ajaran Allah. Ini adalah syirik. Itu baru satu contoh. Banyak lagi contoh lain untuk diperbahaskan.

Tun, saya minta Tun jelaskan kepada orang ramai supaya kembali mempelajari al quran dan dapat mengamalkan ajaran Allah dengan lebih baik dan berkesan demi agama Islam itu sendiri. Bukan sekadar

baca dalam bahasa arab tetapi tidak paham akan pengertiannya. Itu yang berlaku sekarang ini. Sedih apabila melihat mereka pergi belajar jauh-jauh di Jordan, Mesir, Syria, dll, untuk mendapatkan ilmu tetapi belum pasti ilmu itu betul. Selagi ajaran mereka berlandaskan hadith dan bukan al quran, selagi itu orang Islam akan hidup dalam kesengsaraan kerana tidak mengikuti perintah Allah.

Ramai orang akan mengkritikan Tun kerana Tun bercakap benar. Biasa lah sifat manusia, yang benar selalunya dibenci dan dicemuh kerana menunjukkan kesalahan mereka. Tetapi oleh kerana ego, mereka tetap menentang akan kebenaran yang jelas tertulis dalam al quran. Orang ini tidak akan dapat menegakkan benang yang basah, kerana al quran itu konsisten, manakala hadith itu tidak dan selalunya bercanggah dengan ajaran al quran. Ini kerana ianya tulisan manusia bukan wahyu Allah.

Tetapi oleh kerana syaitan telah pun mengaburi mata mereka, mereka tetap juga percaya akan hadith itu tulisan/percakapan Nabi sedangkan Nabi sendiri tidak pernah mengizinkannya.

Terima kasih Tun

66.

Nikmat's Gravatar Nikmat

March 19, 2012 at 10:17 pm | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

Yang Sebenarnya Guru, YAB Tuan Guru Dr Mahathir DiRahmati Allah swt.

1. Terlalu ramai orang yang nampak bahawa budak Hilal Asyraf tu, belajar Parti Islam bukannya belajar Agama Islam.

2. Itulah hasil N.ajis dan hamPAS

67.

SQB's Gravatar SQB

March 19, 2012 at 9:49 pm | Permalink

Assalamualaikum Wbt kepada YBhg Tun Dr. Mahathir dan para pembaca blog,

Tun, kali ini izinkan saya membalas komen saudara amin tan Mac 17, 2012 pada 11:02 am.

Saudara Amin, terlebih dahulu mungkin saudara tidak ingat siapa saya tetapi kami pernah menegur satu sama lain dulu tentang isu berkaitan dengan Islam. Saya kerap melawat blog Tun dan pernah

membaca komen saudara dalam pelbagai jenis topik dan dapat merumuskan bahawa saudara itu amat matang dari segi fikiran. Oleh itu, saya harap saudara serta para pembaca blog yang lain dapat menerima komen saya ini dengan hati dan minda terbuka.

Pertama sekali, saudara kata bahawa akal itu boleh menjadikan seseorang itu “kufur”. Pernyataan itu separuh benar yang dibuktikan dengan contoh-contoh yang diberikan oleh saudara. Walaubagaimanapun, akal itu salah satu ciri yang amat mustahak bagi seseorang mukmin. Sekiranya seseorang itu kuat pegangan agamanya, akal mampu memperkuatkan lagi imannya. Bukankah saudara setuju bahawa kekurangan akal fikiran dan logik adalah faktor utama pemusnahan umat Islam?

Segala hukum Allah mempunyai hikmahnya tersendiri. Saudara berkata bahawa khinzir itu haram tanpa logik. Di sini saudara perlu membetulkan persepsi anda. Allah yang Maha Esa mengharamkan khinzir itu bagi kesihatan dan kesejahteraan manusia dan ini dapat dibuktikan melalui kajian sains. Melalui kajian, didapati bahawa daging khinzir itu mengandungi ulat yang merbahaya serta sukar dibunuh tidak kira berapa lama ianya dimasak. Selain itu, khinzir itu mempunyai gaya hidup yang amat menjijikkan. Tahukah saudara bahawa khinzir itu mampu makan apa-apa sahaja termasuk sampah sarap dan najis? Di sini, nampaklah hikmah larangan Yang Maha Bijaksana! Jelaslah bahawa penggunaan akal dalam keadaan ini mampu memapankan iman dan menggalakkan umat mematuhi larangan Allah SWT. Begitu juga dengan ulasan Saudara yang lain seperti Solat dan meminum arak.

Sekarang saya ingin membincangkan isu yang seterusnya. Saudara, saya ingin jelaskan bahawa pernyataan Tun mengenai hukum hudud tiada dalam Al-Quran adalah benar. Umat Islam, khususnya di Malaysia, sampai sekarang sepatutnya sudah kenal siapanya Tun Mahathir. Beliau adalah seorang yang kerap membaca dan tidak mengulas sesuatu situasi sehinggalah beliau mempunyai ilmu pengetahuan yang secukupnya dalam bidang tersebut. Saya juga sebegitu.

Masalahnya, ramai orang Islam mengatakan hudud itu ada dalam Al-Quran. Sebenarnya hudud dalam Kitab suci itu adalah berbeza dengan hudud versi ahli fiqah. Saudara boleh mendapatkan penjelasan yang lebih tepat mengenai topik ini di sini:
<http://syedsoutsidethebox.blogspot.com/2012/03/dr-mahathir-hukum-hudud-ini-dibentuk.html>

Tambahan pula, saudara juga dapat membaca komen dan penjelasan saya yang lain di blog saya iaitu:

pm-sqb.blogspot.com

YBhg Tun, saudara amin tan dan para pembaca blog, marilah kita sama-sama menegakkan kebenaran dan menggemilangkan agama kita yang sempurna dan tersayang ini. Mudah-mudahan Allah melimpahkan rahmat serta meringankan beban umat Islam. Kita harus bersatu dan mengikut ajaran Islam yang sebenar bagi memulihkan status gemilang tamadun Islam seperti dahulu!

SQB

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 19, 2012 at 5:20 pm | Permalink

Assalamualaikum,

Mmg saya ni bukan alim, dan semmgnya bukan org alim tak patut tafsir quran dan hadis ikut akal sendiri. Org yg belajar agama akal fikirannya akan terbentuk ikut acuan agama. Mmg benar, zaman nabi, tak ada kitab2 hadis. Org yg melalui zaman tu merasakan tahap agama sudah mula menurun,justeru mereka bukukan ilmu hadis,kisah para sahabat, dan para salafussoleh supaya org yg dtg kemudian senang(tak kena tipu, ajaran sesat dll aka ajaran Kassim Ahmad).

Kepada Abdulazizomar dan yg seangkatan dgnnya,

Nasihat kamu supaya saya belajar lg Quran, saya terima. Terima kasih. Tapi teringin saya nak tanya kamu beberapa soalan;

- 1- Apakah kamu ingat Imam Bukhari, Muslim dan lain2 muhaddithin tak belajar Quran?
- 2- Apakah kamu ingat Imam Syaf'ei dan lain imam mazhab tak belajar Quran?
- 3- Apakah kamu rasa menafsir Quran tanpa hadis (asbabun nuzul, reaksi nabi dan para sahabat, dan cara mereka praktik ayat) itu tepat?
- 4- Mungkinkah bg Nabi mengukap sesuatu yg bercanggah dgn perintah Allah?
- 5- Tak terfikirakah mereka(perawi) mengenai risiko atau dosa yg perlu ditanggung sekiranya mereka mendustai Allah dan rasul Nya?

Yang terakhir soalan cepu emas; Adakah kamu rasa Kassim Ahmad lg pandai tafsir Quran dari Imam Jalaludin, Imam Syaf'ei, Imam Bukhari dll ulama muktabar?

Katakanlah” Jika kamu mencintai Allah, ikutlah aku(rasulullah) nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa2mu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lg Maha Penyayang.

Katakanlah” Taatilah Allah dan RasulNya, sekiranya kamu berpaling , maka sesungguhnya Allah tidak menyukai org2 kafir”.

Ali Imran 31-32

Parameswara 2,

Terima kasih atas teguran yg ikhlas,. Sebenarnya yg saya maksudkan ialah Tun M membawa fahaman anti hadis. Kalau berhujah dgn fahaman agama yg sebenar tak ada masalah.

Saudara2 sekalian,

Seperti yg saya sebut dulu berdialog dgn org yg berfahaman demikian tiada gunanya. Mereka bukan mencari kebenaran, kehendak sebenar mereka ialah mengubah agama ini mengikut kehendak

mereka, sedangkan kita lah yg kena ubah diri kita mengikut kehendak agama ini.

Renungkanlah;

" Dan hamba2 Tuhan yg Maha Penyayang itu ialah org2 yg berjalan di atas muka bumi dgn rendah hati, dan apabila org2 jahil menyapa mereka, mereka ucapkan kata2 selamat"

Furqan ;63

" Dan apabila mereka mendengar perkataan yg tak bermanfaat, mereka berpaling drpdnya dan mereka berkata"bg kami amal2 kami, dan bg mu amal2mu, kesejahteraan atas dirimu, kami ingin bergaul dgn org2 jahil"

Qasas ; 55

Bagi saya inilah jawapan terbaik bg golongan anti hadis. Wallahu'alam.

69.

manhakim's Gravatar manhakim

March 19, 2012 at 9:29 am | Permalink

Salam Tun

1) BismiLLAHi Rahmani Rahim. Dengan nama Allah yang maha pemurah dan maha penyayang. Inilah ayat paling penting dan 2 nama Allah (Al Rahman/Al Rahim) yang Allah suruh kita lafaz walaupun banyak lagi nama2 dan sifat2 Allah i.e maha besar/berkuasa/bijaksana dll (99 nama Allah) . Kerana Allah inginkan kita2 semua ini utamakan sifat pemurah dan penyayang. Jika itulah sifat yang ada pada umat Islam satu dunia Islam akan aman. Yang susah/miskin kita tolong jadi tak adalah yang perlu mencuri .Sesama Islam sayang menyayangi dan tidak membenci satu sama lain untuk kuatkan Islam , akidah dan moral umat Islam jadi tiada yang akan melakukan pembunuhan,pencurian,penzinaan,pembohongan , murtad sewenang2nya dan lain2 lagi. Kita hidup cuma sementara di dunia ini .

2) Hukum hudud patut di jalankan bila Islam itu kuat dan dihormati . Contohnya yang mencuri di sebabkan miskin daif terlalu sangat dan semata2 untuk memberi makan/minum kepada anak2nya sekadar untuk hidup. Dalam kes ini yang patut kena potong tangan ialah pemimpin Islam yang tidak mengambil kisah orang2 yang terlalu susah dan mereka kaya raya. Bukankah di Nabi , Saidina Abu Bakar , Saidina Umar sebagai pemimpin hidup sentiasa dalam keadaan sederhana miskin, malah sebelum Nabi wafat disuruh segala apa harta dan makanan yang ada disedekahkan kepada fakir miskin.

3) Akidah umat Islam kuat sehinggakan yang melakukan kesalahan di zaman Nabi sanggup mengaku dan meminta di jatuhi hukum hudud kerana mereka rela dan lebih takutkan hukum Allah kelak. Yang berzina mengaku dan minta di hukum rejam. Jadi hudud perlu apabila Akidah umat Islam kuat dan Islam itu elok di mata dunia . Tak ada yang sanggup melakukan dosa sebab takutkan hukum Allah jadi hampir tak ada orang Islam yang akan di jatuhi hukum hudud . Bayangkan yang murtad kena hukum bunuh.... berapa banyak umat Islam yang murtad dan patut dihukum bunuh. Salah mereka itu atau pemimpin Islam yang tidak peka masalah mereka sehingga apa yang Hassan Ali nak tolong dan

bangkitkan tak ada yang betul2 menyokong. Dia di singkirkan terus. Malah kita umat Islam di Malaysia tak boleh selesaikan hal ini dan Sultan-sultan, ulama2 kita terdiam . Siapa yang patut di hukum dalam hal ini ??

4) Selagi mana Islam itu lemah malah pemimpin Islam lebih utamakan kesenangan mereka bukannya rakyat, selagi itu Hudud akan kabur. Malah pemimpin Islam lebih rela melihat Palestin menderita, Islam di keji serata dunia , pemimpin dunia Islam bersekongkol dengan USA/Israel menghalalkan negara/rakyat Islam dibom/dibunuh. Islam di gelar agama terrorist . 911 tak mungkin boleh 3 bangunan boleh menyembah bumi cuma beberapa saat sehingga ke bawah bila cuma di langgar dengan 2 kapal terbang . Tiada pemimpin Islam sanggup atau boleh menghentikan peperangan yang merugikan Islam sebab kita daif dalam segala segi sehingga tidak dapat membangkitkan logiknya secara ilmu pengetahuan di PBB yang 911 tak logik langsung. Selagi Islam tidak bersatu dan buruk di mata dunia selagi itu hudud akan kabur.

5)Selagi pemimpin Islam pandai dalam memutar belit Al Quran/Hadith untuk menakluk Putra Jaya sehinggakan merelakan benci membenci dan bukannya sayang menyayangi sesama Islam .Sanggup bersekongkol dengan bukan Islam , masih menolak hudud walaupun dah berpuluh tahun memerintah , menolak negara Islam sebab tak wujud dalam Al Quran, menolak segala bukti dan ilmu pengetahuan yang jelas untuk menyelamatkan pemimpin anugerah tuhan mereka, mengutamakan wang ringgit mereka daripada rakyat selagi itu hudud akan terus kabur.

6)Islam perlu kuat dulu untuk hudud senang di terima sehinggakan pemimpin2 Islam sanggup memotong tangan anak2 mereka jika mencuri dan mengambil hak rakyat. Pemimpin Islam sanggup mengaku dan rela di hukum secara hudud untuk di potong tangan , di rejam , di rotan dan lebih takutkan Allah atas kesalahan mereka . Bukannya sanggup membunuh rakyat2 sendiri dengan menyuruh mereka kedepan membela pemimpin tersebut sebagaimana yang terjadi di sini dan dunia arab sekarang. Hudud akan kabur bila pemimpin Islam bersifat sedemikian dan rakyat termakan kata2 depa hingga sanggup tolak tepi segala bukti nyata dari ilmu pengetahuan yang Allah berikan sehinggakan anak beranak/isteri2 dan rakan2 sama menyembunyikan segala rahsia untuk senang lenang cuma seketika hidup di dunia.

7)Pemimpin adalah tugas paling berat (mereka yang mendalami Islam tak akan sanggup pikul amanah ini) dan hudud akan terus kabur jika Islam itu lemah. Apa yang Tun perjuangkan untuk Islam itu kuat dahulu adalah tepat dan apa yang Hilal Asraf bentangkan pun ada yang betul. Yang penting wujudkan penyatuan Islam/Melayu dan umat Islam jadi pemurah dan menyayangi satu sama lain. Murah untuk menolong mereka yang kesusahan dan menyayangi mereka yang terlanjur untuk kembali ke pangkal jalan bukannya menghukum terus secara keras kerana banyak kesalahan adalah dari segi kepimpinan. Selagi Umno/PAS , sesama Islam dan Melayu tidak bersatu dan sifat pemurah/penyayang sesama kita tidak ada selagi itu Hudud akan kabur.

Berdoalah agar sifat benci membenci PAS/UMNO akan hapus dan PAS/UMNO dan umat Islam di Malaysia akan semua bersatu dan Islam itu kuat untuk hudud diterima dan dijalankan secara baik oleh pemimpin yang beriman pada Allah bukannya wang ringgit/ Putrajaya. Malaysia telah berjaya mengenalkan Bank Islam, Insurance secara Islam, pengurusan Tabung Haji dan lain2. InsyaAllah hudud yang sebenarnya terbaik suatu hari nanti berasaskan Al Quran dan Hadith yang sah dapat dilaksanakan di Malaysia bila Islam dan umatnya kuat/bersatu. InsyaAllah...jika diizinkan Allah.

NASH's Gravatar NASH

March 19, 2012 at 1:46 am | Permalink

Salam Tun,

Hilal Asyraf masih muda lagi dalam pelajaran Agam Islam. Adalah merbahaya jika orang belajar dipertengah jalan. Eloklah jangan dilayan. Agam Islam bukan untuk dikaji. Ianya untuk diamalkan. Kalau dikaji dan dibahaskan kita mungkin melaku syarik.

71.

sudin's Gravatar sudin

March 19, 2012 at 1:04 am | Permalink

Salam Tun.

Saya amat tertarik dengan sopan santun dan budi bahasa yang terpuji yang ditunjukkan oleh adik Hilal (saya akan panggil adik diruangan ini) semasa dia memberi jawapan di entry Tun ini, setelah terdahulu mengeluarkan kata2 kesat seperti Tun 'amat kelakar' dan lain2 lagi semasa mula2 memberi komen kepada Tun berkenaan hukum hudud (entry yang dimajukan oleh 'nhuda' pada 02/03/2012 @1:15am –security of the state of israel).

Kepada adik Hilal,

Sudahkah adik memastikan sebelum membuat sebarang komen terhadap Tun bahawa komen asal adik itu adalah berpandukan kenyataan Tun yang sebenar2nya, sudahkah adik memeriksa isi kandungan sepenuhnya kenyataan Tun? Adakah adik betul2 memahami sebenarnya segala kenyataan yang diluahkan oleh Tun?

Kenapa adik tidak memberi sebarang komen tentang hukum hudud ala PAS yang dicadangkan oleh Nik Aziz?

YB Zulkifli Nordin & ramai bijakpandai pernah mencemuh bahawa hukum hudud yang dikemukakan Nik Aziz tidak menepati kehendak sebenar dan memang wajar ditolak.

Kenapa adik tidak langsung membuat sebarang teguran apabila Nik Aziz berkali2 mengkafirkan SEMUA orang2 Islam yang tak sehaluan pendapat politik dengan nya, dan beliau masih lagi berterusan mengeluarkan kata2 tersebut?

Kenapa adik tidak langsung menghantar teguran kepada Nik Aziz apabila beliau menuduh “Tuhan juga mencarut”?

Kenapa adik berdiam apabila Hadi Awang berkata “Nabi Muhammad s.a.w. juga adalah pengkhianat bangsanya”?

Apa komen adik tentang cubaan mengkristiankan orang2 Islam yang disahkan berlaku tetapi dibiarkan sahaja oleh Hadi & Nik Aziz?

Saya berbangga dengan cita2 dan pencapaian adik Hilal, dan amat berharap supaya setiap kali adik menjalankan tugas dan apabila berdakwah kelak tidak timbul perasaan pilih kasih, dan hendaklah bersikap adil.

Semoga adik Hilal dihindarkan dari golongan mereka yang telah jauh disesatkan sehingga menjadi penyokong taksu akibat kepentingan politik keterlaluan segelintir manusia.

72.

Nikmat's Gravatar Nikmat

March 18, 2012 at 11:58 pm | Permalink

Salam

Tuan Guru Tun Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah swt.

1. Kami terlalu amat sangat bersetuju dengan kata TGDrM “Menuduh seseorang itu anti hadith seperti menuduh orang itu kafir adalah cara mereka yang tidak dapat mempertahankan kefahaman dan pendapat mereka”

2. Semua rakyat Msia amat tahu dengan jelas siapa sebenarnya ‘mereka’ tu.....

3. ‘Mereka’ tu, tak pernah mengaku salah dan kononya tak boleh bersalah. Salah tidak ada pada ‘mereka’ tu.....

4. Bagi ‘mereka’, salah itu adalah benar, MasyaAllah tersalah benar ‘mereka’ tu.

5. Wahai ‘mereka’ tu dah ramai insan tinggalkan ‘mereka’ tu

73.

Botak's Gravatar Botak

March 18, 2012 at 10:11 pm | Permalink

SAYA MALU AKAN

KEPIMPINAN NAJIB DAN JUGA NAUGAN SULTAN JOHOR

YG MENGIZINKAN PEMBANGUNAN JOHOR

DIKELOLAKAN OLIH KERAJAAN SINGAPURA

MELALUI IDR ,CAPITAL LAND INVESTMENT DARI SINGAPURA

SEOLAH MALAYSIA TAK MAMPU UNTUK NAIKAN NEGARA

SENDIRI DAN BERHARAP BENAR NEGARA YG KECIL UNTUK MEMBANGUNKAN
MALAYSIA,TANAH AIR KITA SENDIRI

SEKIRA KITA TAK MAMPU SEKARANG

BESOK KAN MASIH ADA

TIDAK ADA SIAPA YG NAK KEJAR KITA

74.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 18, 2012 at 9:33 pm | Permalink

Assalamualaikum,

Senang2 mcm ni laa... Saya cadangkan kita buat saja satu forum ala2 debat. Panelis Tun M, Kassim Ahmad,(mana2 org pilihan Tun) VS ust Asri, ust Wan Salim, Dr Daniel.

Pengerusi Majlis Riduan Tee. Amacam ?

75.

samuraimelayu@gmail.com's Gravatar samuraimelayu@gmail.com

March 18, 2012 at 7:41 pm | Permalink

SALAM KASIH SAYANG

AYAHANDA TUN

Izinkan,

Salam kasih sayang sdr. Musang Si Guntang,

ishk..ishk..ishk.....

Jika dipandang pada yang tersurat, sememangnya sdrku nampak saja mrapu tapi sebenarnya berapi jika dilihat pada yang tersirat.. Sdrku ini mampu benafas dalam air tanpa alat penafasan. Hanya mereka yang telah menyelami Ilmu yang dalam seperti sdr mampu memandang pada yang tersurat dan melihat pada yang tersirat.. wallahualam

Bila Ayahanda katakan,

2. Sebelum saya menjelaskan maksud saya di dalam ucapan itu, saya harap adik Asyraf dapat menjawab secara ringkas (Ya atau Tidak) beberapa soalan yang ingin saya tanya kepada adik.

Sdrku,

Tersenyum sejenak kami dan hati pula berkata ' Shogun dah mula hanyun 'pedang' depa, kena bersedialah.

Kalu Ayahanda Shogun tujukan syarat yang sama pada Samurainya, sah 'terburai otak' nak menjawab dalam huruf besar Y atau T . Sememangnya ianya suatu 'mission impossible' untuk memenuhi syarat tersebut dan Ayahanda Tun tentu telah mengetahuinya terlebih dahulu.

Dah kami katakan sebelum ini,

Kami tidak mampu meletakkan diri berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan seorang negarawan yang sangat kami muliakan dan kasihi, yang jauh lebih tua dalam usia dan pengalaman hidupnya dan jauh lebih berilmu dan berpengetahuan.

Namun kami terpicat dengan penjelasan agak panjang lebar Anakanda Hilal, penuh berhemah dan pengorhmatan yang sewajarnya datang dari seorang cucu berpelajaran kepada seorang ninda yang telah banyak berjasa demi agama Islam bangsa dan tanah Melayu tercinta ini. Syukur alhamdulillah.

Semoga anakanda Hilal mampu melangkah lebih jauh menimba pengetahuan demi hidup sebagai umat Muhammad didunia fana' dan diberkati Ilmu demi hidup sebagai hamba Allah diakhirat nanti...insyaallah

ALFATIHAH, AMIN.

Ps. Sdrku Musang Si Guntang, you saw the splashes and the felt the ripples too.. and we enjoyed reading your comments.. Thank you.

sungaijiwa's Gravatar sungaijiwa

March 18, 2012 at 1:48 am | Permalink

Pada Tuan yang budiman,

1. Islam itu indah , islam itu baik. TUHAN MAHA BAIK DAN TIADA ZALIM. Yang zalimnya adalah manusia itu sendiri.

2. Hudud adalah batasan. Sekiranya ISLAM seseorang itu zahir(luar) dan hati (dalam) bersamaan (keseluruhan dirinya) maka batasannya lagi halus. Contoh , seandainya perutnya dah ISLAM jika dia termakan benda bangkai (ayam bangkai) , maka dia akan sakit perut/cirit/berak berdarah/sebagainya. Ini adalah nikmat besar yang TUHAN berikan.

3. Batasan individu berbeza diantara individu yang lain. Bergantung kepada hati (RAJA) dituruti akal(perdana mentari) dan dapat mengawal nafsu(pembangkang). Inilah jihad yang besar bagi RAJA yakni hati.

4. Ramai pelajar2 yang ke timur tengah belajar agama Islam dan berguru denganakhirnya mereka pulang dengan buah tangan yang hebat (bersifat pelampau dan fanatik dalam beragama). Mereka belajar yang baik dan yang jahat tetapi tiada belajar mengenal yang mana yang HAQ dan mana yang BATIL.

5. Asas yang paling asas, adalah memohon keampunan dan selawat kepada Nabi Muhammad. Itulah pakaian TAREKAT NABI MUHAMMAD. Andai balik pelajar2 ini jika ditanam asas ISLAM yakni mohon keampunan dari TUHAN YANG MAHA PENGAMPUN dan bersyukur – maka selamatlah masyarakat ini. Andai ditanam dengan asas nak pahala dan syurga maka berhala ghaib terpalit dihati tiadalah TUHAN YANG DISEMBAH MELAINKAN ALLAH.

6. Kita beramal dengan perintah ALLAH maka adalah taat ibadah itu. Andai beramal kerana nak pahala dan syurga maka dapatlah ibadah yang sia- sia. Disinilah akan ada batasan /hudud itu.

77.

Nujum's Gravatar Nujum

March 17, 2012 at 5:17 pm | Permalink

Olih kerana hukuman seperti potong tangan telah wujud sebelum datangnya Islam, ianya bukanlah Islam. Tetapi ianya dilaksanakan oleh Rasulullah untuk keadilan. Keadilan adalah yang lebih dipetingkan.

78.

Nujum's Gravatar Nujum

March 17, 2012 at 5:11 pm | Permalink

Diriwayatkan pula di dalam Sohih Bukhari Hadith no 1516 Jilid 3:

Dari Aisyah r.a., Orang Quraisy merasa tidak senang akan hukuman yang dijatuhkan kepada seorang perempuan suku Makhzum mencuri. Mereka berkata: "Siapakah yang boleh menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. supaya perempuan itu dibebaskan saja?" Kata mereka: "Siapakah yang berani selain Usamah bin Zaid, kesayangan Rasulullah s.a.w.!" Usamah lalu menyampaikannya kepada beliau. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mengapa engkau memberikan pertolongan untuk membebaskan seseorang dari had (hukum) Allah?" Kemudian beliau berdiri lalu berpidato, sebagai berikut: "Orang-orang yang sebelum kamu dibinasakan, kerana kalau orang yang terhormat (mulia) mencuri, mereka biarkan saja. Tetapi kalau yang mencuri itu orang lemah, mereka jatuhkan hukuman. Demi Tuhan! Kalau sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, saya potong juga tangannya!"

Apa yang saya faham, hukuman potong tangan telah wujud sebelum datangnya Islam dan hukuman ini diteruskan untuk keadilan. Orang-orang yang sebelumnya dibinasakan kerana tidak melaksanakan keadilan. Keadilan dalam konteks hadis ini ialah hukuman yang sama mesti dilaksanakan tidak kira kedudukan seseorang itu.

79.

Petrov's Gravatar Petrov

March 17, 2012 at 12:22 pm | Permalink

"...saya harap adik Asyraf dapat menjawab secara ringkas (Ya atau Tidak) beberapa soalan yang ingin saya tanya kepada adik."

Tun sekadar menguji ?

80.

amin tan's Gravatar amin tan

March 17, 2012 at 11:02 am | Permalink

Salam Ayahanda Tun yang amat saya kasihi,

Izinkan saya petik Tun seperti berikut

"vii) Tuhan menjadikan manusia berbeza dengan haiwan kerana manusia diberi akal fikiran.

Apakah agama Islam melarang manusia dari mengguna akal dan berfikir?"

Dengan hormat dan takzim, sesungguhnya agama Islam lebih tinggi dari akal fikiran manusia. Sekiranya seseorang itu berlagak dan perasan pandai, dalam hal agama Islam dia terlalu bergantung kepada logik, maka dia akan menjadi kufur. Saya kemukakan beberapa contoh orang2 mukmin tidak boleh guna akal fikiran semata-mata, tetapi menghayati dan mengguna mata hati untuk berpaut kepada Islam. Orang-orang mukmin telah diberi nur atau hidayah oleh Allah.

Larangan makan babi tidak logik. Walaupun orang Islam haram memakan babi, orang Islam tetap patuh dan babi tetap babi dan haram dimakan walaupun recipe masakan amat sedap dan bermutu tinggi dan babi yang disembelih itu dibela secara saintifik, bersih, diberi makanan bersih dan minum susu tiap2 hari atau dimandi dan disabunkan tiap2 hari. Jangan sesiapa sombong dengan akal fikiran.

Solat 5 kali dalam sehari berulang-ulang membaca surah Fatimah yang sama adalah menghina dan memandang rendah kepada diri sendiri adalah tidak munasabah. Orang yang gunakan akal fikiran tidak akan solat sebab tidak berfaedah dan buang masa sahaja.

Kalau kita guna akal, kita tidak akan percaya kepada israj dan mehraj. Macam mana nabi naik ke langit. Karut kata Abu Lahab.

Manusia Islam percaya kepada rukun iman yang tidak nampak dan tidak ada bukti dan tidak logik. Allah, malaikat, iblis, syurga dan neraka. Free thinkers seperti Lee Kuan Yew kita panggil beliau orang kafir sebab dia terlalu pandai dan terlalu menggunakan akal dan tidak percaya dan tidak beriman kepada yang ghaib

Mukmin, Islam, fasik, kafir dan munafik adalah susunan ketaqwaan manusia. Orang-orang mukmin taqwa pada Allah dan patuh pada perintah dan suruhan Allah tanpa banyak soal jawab."samiakna wa atokna" . Dengar dan patuh. Sebaliknya orang munafik berniat untuk memusnahkan Islam.

Minum arak adalah haram dalam Islam. Allah beri hidayah kepada Saidina Umar untuk menyekat Khalid Ibnu Walid dengan cara dilucutkan kuasanya sebagai panglima Islam sebab didapati Khalid menggunakan arak untuk mandi walaupun secara langsung Khalid tidak melanggar peraturan Islam, iaitu beliau tidak meminum arak, tetapi menggunakan arak untuk merendamkan dirinya untuk menjadi segar.

Begitu juga Tun telah diberi hidayah untuk memecat Anwar Ibrahim apabila didapati beliau tidak mempunyai akhlak yang baik, seperti melakukan liwat dan melacur.

Begitu juga Tun adalah seorang yang amat cenderung kepada agama Islam dan mempraktikkan agama Islam yang sebenarnya apabila beliau telah melantik Abdullah Badawi untuk menggantikan beliau sebagai perdana menteri. Tun telah memilih Abdullah Badawi berasaskan kepada Islam. Abdullah Badawi mempunyai latar belakang Islam yang kuat, tetapi malangnya Abdullah Badawi telah melakukan beberapa dasar yang merugikan Barisan Nasional dan Barisan Nasional kalah lima negeri dalam pilihanraya 2008.

Tun telah merancang dengan rapi dan Tun adalah seorang wira Islam yang telah diberi hidayah oleh Allah untuk berjuang ke jalan Allah.

Tetapi apabila Tun mengatakan hukum hudud tidak ada dalam Quran, ianya adalah satu ucapan yang tidak betul. Hukum hudud ialah hukuman yang dijatuhkan kepada penjenayah yang terbukti salah, itu sahaja. Memang terang-terang tercatat dalam Quran. Sebagaimana ditunjukkan dalam surah2 tertentu oleh Hilal Ashraf. Kepada pembaca-pembaca blog sekalian, marilah kita menegakkan kebenaran.

Janganlah kita menafikan kekasih kita, junjungan besar kita, Nabi Muhammad saw. yang telah memperkenalkan wahyu Allah kepada sekalian manusia sejagat, sehinggakan kita hendak menafikan sunnah. Manusia yang takbur dan jahat sahaja tidak ingin mencontohi junjungan besar Nabi Muhammad. Sesiapa yang puji Baginda Nabi Muhammad, dikatakan idol worshipping, selawat kepada Rasulullah dikatakan idol worshipping. Manusia seperti ini diberi nama "iblis" oleh WajaPerak, seorang mukmin yang saya amat kagumi.

Tun diberi hidayah dan petunjuk oleh Allah untuk menjaga perpaduan umat Islam, kesuciannya dan kemajuannya apabila Tun tidak mengemukakan tajuk ini dalam Bahasa Inggeris. Tun memilih bahasa Malaysia kerana ingin menjaga perpaduan Islam supaya kepincangan dan selisih faham sesama orang Islam tidak terdedah kepada musuh-musuh Islam dan yahudi yang pakar dalam Bahasa Inggeris.

Manusia banyak kelemahan dan tidak sempurna. Allah sahaja yang sempurna. Wallahu alam

amin tan

81.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 17, 2012 at 10:34 am | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya menulis sedikit mengenai comment Koyah Png.

Saya pikir awak silap dalam mengatakan pendapat kamu. Kamu harus belajar al quran dengan lebih baik lagi. Kamu tidak perlu mengadili sesiapa di sini untuk mengatakan seseorang itu salah atau sebaliknya.

Tuduhan kamu adalah tidak berasas sama sekali. Orang yang berilmu akan berdebat dengan bukti atau petikan dari al quran. Kamu harus lagi mempelari al quran dalam bahasa yang kamu fahami kalau tidak, sampai bila pun kamu tidak akan faham. Tapi itu terserah kepada kamu. Kamu yang lebih tahu dan pandai dari orang lain.

Ajaran Islam yang sebenar ada di dalam Al Quran yang mana telah dibawa oleh Nabi Muhammad kepada umat manusia. Bukan hanya kepada Melayu atau Arab. Tetapi semua umat manusia. Jadi tidak pelik lah kalau umat lain yang lebih hebat dari kita selepas mendekati Al Quran kerana mereka juga berhak dan layak mendapat hidayah Allah seperti mana kita jugak layak menerimanya.

Tetapi, apa yang berbeza adalah niat kita. Ada orang niat dia ikhlas untuk mempelajari Al Quran. Ada orang suka mencari kesalahan al Quran. Bagi orang yang ikhlas, Allah akan ajar mereka. 'Allah is the teacher of Al Quran'. Bagi mereka yang suka mencari kesalahan al Quran kerana ingin mengangkat status Hadith, mereka ini tidak akan mendapat petunjuk dari Allah kerana niat mereka untuk membandingkan wahyu Allah dengan tulisan manusia seperti Muslim, Bukhari, Tarmizi, dll.

Adakah ini adil? Adakah ini patut berlaku? Dan adakah Nabi Muhammad sendiri memberi kata sepakat dalam penulisan hadith? Sedangkan hadith pada ketika baginda masih hidup, tidak wujud. Adakah mereka sebelum itu kafir belaka? Dengan adanya Hadith baru orang itu masuk Islam? Tolong guna otak yang Tuhan bagi. Paling penting, ikhlas.

Saya harap Koyah Png, tolong la baca al quran. InsyAllah kamu akan memahaminya.

Terima kasih Tun.

p/s: Tak yah cuak Tun, you are on the right path.

82.

tahir757's Gravatar tahir757

March 17, 2012 at 10:24 am | Permalink

Salam TUN yang di kasihi,

Ini satu teladan yang boleh kita guna pakai bila mengeluarkan fatwa ke atau pun ajaran untuk ummat Muslim.

Pada zaman Rasullullah ada empat orang Sahabat bernama Abdullah.

Sahabat bererti Mereka ini semua bertemu Rasullallah.

Tetapi yang aneh nya ialah apabila di tanayakan satu perkara yang sama pada mereka, jawapan yang di berikan semua berbeza. Namun masih di terima semua jawapan2 yang di berikan oleh keempat Sahabat itu. Ini juga cara pakai oleh Para Ulama khusus nya empat Imam Mazhab, Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali R.A.

Cuma yang tak boleh berubah dan ikut akal fikiran manusia ia lah soal aqidah.

Semoga Tun di kurniakan umur yang panjang dan kesehatan supaya dapat terus memberi tunjok ajar pada bangsa Melayu yang amat memerlukan bimbingan Tun.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatu.

83.

RaJa BerSiong's Gravatar RaJa BerSiong

March 17, 2012 at 2:55 am | Permalink

Salam Ayahanda Tun,

Semasa Ayahanda menunaikan fardhu Haji, Ayahanda dapat masuk ke dalam Kaabah. Alhamdulillah.

Setahu saya, tiada seorang pun pemimpin Muslim dari Asia atau lain-lain negara, yang berpeluang dan bertuah dapat masuk ke dalam Kaabah.

Pada pendapat saya, Allah telah memberikan Rahmat buat Ayahanda.

Syukur. Alhamdulillah.

“sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya).” – Ayat Qursi

Luv you dan salam untuk Ayahanda Tun sekeluarga.

84.

yankees's Gravatar yankees

March 17, 2012 at 2:13 am | Permalink

rasanya mungkin kita ni semua confuse dengan perkataan 'potong' kut..

dulu orang-orang tua ada juga cerita yang Nabi Yusuf ni handsome sangat sampai kalau perempuan tengok sampai ter'potong' jarinya...

agak-agaklah.. senang ke seseorang manusia yang waras untuk memotong jarinya? Tak kut.. jari kan ada tulang.. tulang tu pulak keras...mungkin perkataan yang sesuai untuk 'potong' itu ialah luka, calar, atau sebagainya...

jadi.. kalau perkataan 'potong' tangan lebih sesuai diganti dengan 'melukakan' tangan atau

'mencalarkan' tangan sebagai memberi tanda kepada pemilik tangan tersebut... baru lah bermaksud hudud itu.. ada had..

selalunya sup yg ditambah air setiap hari lama kelamaan akan menjadi tawar.. oleh itu marilah kita cari resepi sup yg mula-mula sekali dimasak agar kenikmatannya dapat dirasai..

harus diingat.. Islam itu wangi... :)

85.

Nikmat's Gravatar Nikmat

March 17, 2012 at 12:44 am | Permalink

Assalamu'alaikum wr wb

YAB Tuan Guru Dr Mahathir Yg DiRahmati Allah swt.

1. Hudud tidak SALAH

2. Yang berSALAH ialah PAS, adik beradiknya, anak cucunya serta konco2nya kerana memperalatkan Hudud

3. Agama Islam untuk orang baik, seperti TGDrM yang terserlah kebaikannya, amat berjasa dalam dan luar negara dan sentiasa mengajar orang buat baik serta amat merendah diri.

4. Orang yang jelas tidak baik ialah : memperalatkan agama Islam sehingga menuduh Allah mencarut, bekerjasama dengan Syaitan, menyokong penzina, tidak menyokong usaha membentaras gerakan mengkafirkan orang Islam, menyokong komunis dan terbaru bersekongkol dengan penyelamat Yahudi..... sendiri tau lah siapa tu ini yang tidak baik.

Allahu Akbar takbir taqwa dari kita, bukan takbir PAS takbir sentimen politik.

Terima kasih YAB TGDrM

86.

SQB's Gravatar SQB

March 17, 2012 at 12:20 am | Permalink

Salam Tun.

I agree with what you said in the video Tun. Those are some interesting questions you have posted. I also answered some of your questions as well as criticised Hilal's answers. My comments can be viewed on my blog: <http://www.pm-sqb.blogspot.com>

87.

Roslizaman's Gravatar Roslizaman

March 16, 2012 at 11:46 pm | Permalink

Salam Sejahtera Tun

Apa nak di hairankan Tun, manusia ni kan kail baru panjang sejengkal, belumpun lulus tapi nak duga lautan dalam.

Kepada adik Hilal Ashraf boleh komen sikit apa hukum nya mereka yang mengagong agongkan seseorang hingga seolah olah sampai ke peringkat nabi? mengkafir kan orang Islam lain.

kuman di seberang laut nampak, gajah di depan mata tak kelihatan.

Tun May Allah Bless U. Amiin

88.

hassan75's Gravatar hassan75

March 16, 2012 at 11:04 pm | Permalink

kpd tun, khas buat tun dan peminat tun, sila lihat kat address bawah;

<http://www.fuhsantai.com/2012/02/fuh-tun-mahathir-terbatal-islam-kerana-nafikan-hudud/>

89.

Herotamil's Gravatar Herotamil

March 16, 2012 at 4:53 pm | Permalink

Hmmm..... i wonder.

It seems Zina di jadikan contoh...ok...

Kesalahan tetap satu kesalahan...never a doubt about it.

dalam Al Quran its LASHES....

tapi Rasulullah pula menjatuhkan hukum rejam (hadith).

so which is HUKUM HUDUD yg sebenarnya?

adakah Rasulullah mendahului ALLAH?

Of course lah TIDAK mungkin.

Ini lah antara persoalan yang Tun M cuba jelaskan.

90.

genius's Gravatar genius

March 16, 2012 at 3:04 pm | Permalink

Salam,

Kehadapan Tun yang dihormati

dan pembaca sekalian,

Saya bukanlah seorang yg sesuai utk membicarakan hal Hukum Hudud.

Cuma saya nak komen sedikit harap dapat beri laluan.

Cuba kita pandang dari sudut yang berbeza mengenai hukum hudud ini....

Seperti kita sedia maklum Al-Quran itu sentiasa ada maksud yg tersurat dan tersirat.

Secara logiknya memang hukum ini akan mengakibatkan orang yg dipotong tangan tidak lagi dapat membuat kerja menggunakan tangannya.

Tapi ketahuilah bahawa hukum Allah swt adalah hukuman yang paling adil. Kita perlu fikir apakah

hikmahnya.

Mungkin negara Arab mengamalkannya tapi tidak berkesan maka kita kenalah cari punca kenapa ia tidak berkesan dalam menangani masalah mencuri.

Bukan dengan tidak mengamalkan hukum itu langsung kerana persepsi kita sendiri.

Jangan sekali-kali syak wasangka terhadap hukum yang ditetapkan oleh Allah swt

Kita kena melihat perkara tersebut lebih jauh

seperti kerajaan/pemerintah perlu fikirkan selepas "potong tangan" apakah inisiatif untuk membantu pesalah tersebut... seperti sediakan kemudahan pekerjaan lain, sesi kaunseling atau sebagainya supaya kita dapat menyelamatkan pesalah terbabit dan tidak membiarkan dia dijatuhi hukuman dan tiada tindakan susulan selepas itu

malah

carilah punca kenapa dia mencuri ... adakah kerana desakan hidup atau sebagainya dan tangani masalah itu dengan bijak

selain itu pada pandangan saya hukum hudud ini adalah tindakan pencegahan (preventive)

mungkin dengan potong tangan orang yg mencuri ini dia tidak akan dapat mencuri lagi sudah selamat lah dia daripada melakukan dosa mencuri lagi

malah hukuman telah dilaksanakan didunia dan InsyaAllah selamatlah beliau daripada hukuman diakhirat yang lebih keras

Allahualam

91.

wajaperak's Gravatar wajaperak

March 16, 2012 at 1:49 pm | Permalink

Assallammualaikumwarahmatullahibawarokatuh..

Tun ribuan terima kasih kerana mengizinkan ruangan..

Mulut melayu..

Apa tujuan dan niat di hati anda?

Hanya Allah yang tahu..

He said, "Muhammad has told the truth; the Torah has the Verse of Rajm. The Prophet then gave the order that both of them should be stoned to death. 'Abdullah bin 'Umar said, "I saw the man leaning over the woman to shelter her from the stones."

Dari hadith di atas menunjukkan hukuman rejam kepada pezina adalah berasaskan kepada kitab agama Yahudi, bukannya dari wahyu Allah kepada nabi Muhamad saw.

Tetapi kalau dari penulisan anda maka jelas anda seorang yang jahil..Kitab Taurah adalah diwajibkan untuk kita ikuti hukumnya melainkan apabila di terangkan oleh Allah sudah mansuh hukumnya..Hukum rejam bagi pezina muhsan mengikut persetujuan ulama' ahli sunnah wal jamaah adalah dari Kitab Taurah yang sudah di mansuhkan bacaannya tetapi di kekalkan hukumnya..Ada ayat Al Quran tentang ini..

Apabila kita memperkatakan sesuatu kita perlu menyebut identiti sesuatu entiti tersebut..

Apakah hujjatul iblis itu kita panggil dia..

Kurang mengerti?

Kurang memahami?

Sengaja?

Jahil?

Pengecut?

Apa-apa sahajalah..

Tetapi saya suka mmenarik perhatian tuan kepada pepatah melayu ini..

YOU CANNOT STROKE AN ITCH GENTLY..

NEVER!!!

Tun..

Ribuan terima kasih..

92.

Botak's Gravatar Botak

March 16, 2012 at 1:21 pm | Permalink

Sijil Halal yg di keluarkan oleh MUIS di Singapura

Jakim di Malaysia,dan Badan Islam di Dunia

Menerangkan bahwa bungkus makanan ini Halal digunakan

Apa yg menyakinkan adalah tanggung jawab masing masing

la merupakan informasi saja

Pentingnya sekarang adalah Sijil ini lebih menjadi alat

Bagi Si Kafir mengambil kesempatan atas hukum Halal yg mereka

Tidak akan bertanggung jawab akan keaslian Halal

Halah hukum Islam seolah satu perkakas si Kafir untuk tujuan

Economy lebih dari memastikan keahlian Halal

Begitu juga Hota Halal MUIS Singapura

Fatwa MUIS yg menghalalkan derma ginjal,organ dengan menggunakan system Reverse Donations atas Gengaman Kerajaan Kafir tujuan commercial adakah ianya Halal

Walau difatwa oleh ulama TAPI atas desaan Kafir

Reverse Donations maknanya

Semua di mestikan derma, di Wajibkan

Kalau tak nak derma mereka di beban disuruh menarik diri

Dan mereka tidak akan diberi layanan sekiranya mereka yg memerlukan bantuan perubatan dari Kerajaan

Seolah Derma ini di paksa,atas fatwa MUIS

Dan dari tuntutan Kerajaan Kafir

Lebih dari tujuan Dagangan dari tujuan menderma ikhlas

Apa pendapat anda ?

93.

adamjohari's Gravatar adamjohari

March 16, 2012 at 5:35 am | Permalink

As expected, Hilal can't answer with a yes or no response. Nor can he answer with one or two short sentences. Terrible rebuttle. Go learn to write and explain things Hilal.

94.

Musang Si Guntang.'s Gravatar Musang Si Guntang.

March 16, 2012 at 4:07 am | Permalink

ishk..ishk..ishk.....

Skali skala Tun "saja ja" nk bagi "bola tangguh"....

Tu pun hampa pakat berebut nak "smash"...pulun la.. sampai tak sangga !

Dia saja bagi tumpah "kuah" sikit ja ..hampa pakat p berebut dok hirup ... karang sampai bejela..

kah..kah..kah.

rilek ar bro...sis....ana pun manhaj salaf jgak... be cool ..jalur jgn tegang sgt..

nabi ja 100 % maksum/perfect .

bahasa orang lama nie dia ada kias-kias dia...cari la dulu kut ya pun..

kalo ya pun kawan dh 90 th hijrah masehi dah..kasi chance la ..lebih kurang..jgn ketat sangat...

sapa yg dok follow tulisan Tun dia tau..Tun slalu mention "hadis yg Sahih" bila dia ckp bab2 agama yg sabit dgn source/reference ...dia tk p la deep smpai mention narrator sapa hassanka hassan liza/ligh..maudhu..mutawatir ka apa ka etc..

bab hudud lebih kurang...(saja tembak merapu)

hudud/restriction nie blk pd method cara nk handle jenayah ja...mekanisme /cara nk punish pelbagai bkn semestinya keras spt potong tangan etc..

kita di malaysia dah lama ikut cara islam hudud..nama mekanisme yg kita guna samada bunyi islamik ka tak itu tk penting..buh la nama apa pun.

cth.undang2 crime kita- pembunuh- gantung smp mati..kita tk pancung mcm kt Saudi...plus other pun kita dh buat dah..cuma sebat kitanya heavy skit kut dr Saudi etc.

cara kita dah sederhana & berlandaskan islam dah..tang nama x penting tp method/mekanisma/teknik kita dah kira ok wlau x perfect.

kita pegang statement Tuhan surah "The Table Spread " nie tang 5:39 bukan makna kita tolak 5:38 ..Cuma 5:39 nie dia nampak LUAS & lapang.. skit..bla kita refer nk buat apa2 bab fiqh / jurisprudence nie

Statement Tuhan Quran 5:39.. bukan mathew 5:39 noo...

Al-Ma'idah a.k.a The Table Spread

But whoever repents after his wrongdoing and reforms, indeed, Allah will turn to him in forgiveness. Indeed, Allah is Forgiving and Merciful.5:39

Cuma 5:39 nie dia soft skit..sesuai nk rujuk & implement dgn zaman kita yg serba-serbi & susah nk blaku adil..kita bkn maksum...mcm nabi.

Dulu zaman nabi dia maksum..100% adil..takpala guna 5:38..zaman depa 3 kurun yg awai ja yg terbaik dlm record sejarah agama kita islam.

tapila nie kita susah nk adil dah 2012 dah ...so kita more toward 5:39 la..kita play safe skit.

,kut btui pun ada CCTV dari segi technology yg boleh jadi bukti pun..kalo cth kes curi kita nk potong tgn, kena kawan tu operator mesin ada anak bini nk bg makan, kalo proceed jgk potong..awat JAKIM ada peruntukkan ka nak tanggung anak bini dia ? ka nk suruh dia jadi pminta sedekah dkt kaki 5 ?

lagi baguih kita hantar dia p penjara..kurang2 bl keluar dia insaf masih boleh raja cari makan balas jasa mak dia..or bg mkn anak-bini dan bantu orang lain....etc

*Arab Saudi buat heavy hudud (LIVE) pun masalah curi ..etc tk selesai jgk..

Mau sgt ka ? bleh extradisi pelaku p Saudi.

Sedangkan Tuhan kita yg ESA yg Gagah Perkasa lagi Maha Pengampun..ini kan kita..hamba ja...nk lebih2 dlm hukum org. hukum orang sana-sini..bukan main nk ganti Tuhan.

Patut padala...jgn extreme sgt..

pakat dok menjarah wa ta' dil (konon) sampai tak sangga!...lebih kuah dari sudu.!

Akupun 2 X 5 ..Prasan pandai (konon)

Naah bola tangguh!..tlg pebetoi sat tang mana sangkut..

Saja mrapu..

p/s : teringat lagu arwah Pak Ku Shadat – Vespa Haji Samad

95.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 16, 2012 at 3:33 am | Permalink

Pembetulan: tertinggal perkataan MENGHINA di perenggan keempat.

Ayat itu berbunyi: "mereka secara terang menghina rasulullah, para sahabat, imam2 mazhab dan para ulama...

*p/s: bukan itu saja mereka hina imam2 hadis; imam bukhari,muslim & etc...

96.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 16, 2012 at 2:21 am | Permalink

Assalamualaikum,

Saudara2 yg amat saya kasihi sekalian,

Pertama sekali ingin saya jawab beberapa org yg menyangka saya tak teliti dlm mengulas, sebenarnya ramai disini tak faham maksud tersirat yg terkandung dlm tulisan Tun M. Bukanlah juga maksud saya utk berkasar bahasa dgn 'org tua yg berumur 90tahun'. Dan jauh sekali utk saya mengulas perkara yg saya tak faham.

Sebenarnya, apa yg cuba disampaikan oleh Tun ini, merupakan intipati ajaran Kassim Ahmad(J.A.M * kononnya). Yg mana ajaran mereka ini kelihatan seolah2 menyeru kpd yg haq ttp mempunyai maksud bathil yg tersembunyi. Utk pengetahuan semua(kalau tak salah) Kassim ni merupakan pemegang rekod negara, tahanan ISA paling lama. Antara sbb org ni ditahan ialah menyebarkan ajaran sesat anti hadis. Apabila Tun M menjadi (1981) org ni bebas.

Inilah juga org yg mengarang buku "Hadis: Satu Penilaian Semula (Hadith: A Revalueation) (1986 kalau tak salah). Buku ni dah pun difatwakan haram oleh Jabatan Agama. Malas saya nak cerita panjang, kalau nak tahu lg lanjut, layarilah sendiri blog Kassim Ahmad. Ingin juga di ingatkan bahawa Tun Dr M merupakan org yg menulis 'Kata Pengantar' atau aluan, kpd buku terbaru Kassim "mencari jalan pulang: dari sosialisme kpd islam".

Kalaula ada org lain ditempat saya,atau saudara2 semua tahu mengenai apa yg saya tahu mengenai puak ini,nescaya ringan tangan2 saudara utk mencapai ***** .kebiadapan golongan ini jelas,mereka secara terang Rasulullah,para sahabat,imam2 mazhab dan para ulama'.

Mereka ini juga berpendirian bahawa sembahyang bukannya tiang agama,solat hanya ada 3waktu sehari,haji boleh dikerjakan 4kali setahun,tiada azab kubur dan mcm2 lagi yg xtergamak tangan saya hendak menulis.sedarlah wahai saudaraku,seruan atau hujah mereka ini kelihatan seakan akan mengajak kepada yg

haq ttp maksud yg tersirat adalah bathil yg menyesatkan.

Buat saudaraku Hilal,

Tahniah dan syabas,berani berhujah dan menjawab persoalan yg dilontar.dapat juga saya lihat semangat islam yg membara.ttp ingin saya nasihatkan berhujah dengan 'golongan' ini xada gunanya sebab,kita boleh kejutkan org yg betul2 tidur ttp susah utk kita nak kejutkan org yg pura2 tidur.

Saudara saudaraku sekalian,

ingin juga saya kongsiikan sedikit pengalaman saya dengan golongan anti hadis.saya sedar akan bahaya puak ini sejak dibangku sekolah lg.'Orang Kanan'Kasim merupakan ayah kepada kawan kg.saya.diringkaskan,mcm2 yg berlaku antara kami,sehinggalah tahun 2001,saya bertemu dengan 'Tuan Guru'puak ini di kg.saya.

Kemudian berlakulah perdebatan antara saya dan mereka ini bermalam malam(xingat berapa malam).pening kepala saya hendak menjawab.Alhamdulillah,ALLAH beri saya banyak hikmah.banyak kitab2 tafsir dirujuk banyak juga kitab2 hadis yg ditelaah.banyak sebenarnya hendak ditulis.tp saya ini bukanlah ustaz atau org yg berpelajaran agama.justeru,saya xmemetik ayat2 al-quran atau hadis utk menyokong tulisan saya kali ini.

Akhir sekali,ingin saya menyeru kepada semua pembaca,renungkanlah dengan mendalam akan kata2 berikut "Sekiranya agama ini (islam) mengikut akal fikiran (sahaja),nescaya Rasulullah menyapu bahagian bawah khoof (sarung kaki kulit),akan ttp Rasulullah menyapu diatas khoof ".fikir2kanlah.

Wallahu'alam.

97.

musato's Gravatar musato

March 16, 2012 at 1:28 am | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Habislah Tun.Hilal dah bagi nama 2 orang syeikh dia.Tun takkan nak bagi nama Jamil Khir pulak kot.

Saya nak tolong bagi nama syeikh saya,saya pun takde syeikh ni.Yang pasti Hilal tulis akademik, Tun pulak pikir tentang rasional dalam mempraktikkan untuk pentadbiran negara.

Nak tengok apa Tun jelaskan nanti.

Terima kasih Tun.

98.

Muhamad Hanafiah Mat Yunus's Gravatar Muhamad Hanafiah Mat Yunus

March 15, 2012 at 10:50 pm | Permalink

Asslamualaikum.

Siapakah yang menyatakan cara bersolat tiada di dalam al-Quran? Bagi kepada manusia biasa mungkin tidak berjumpa. Namun jika diperhalusi akan bertemu, insyaALLAH. Al-Quran penuh dengan kiasan. Penuh dengan nikmat kepada sesiapa yang ingin mendalaminya.

99.

Hajar's Gravatar Hajar

March 15, 2012 at 9:41 pm | Permalink

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. Kepada sesiapa yang mengecap Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai jahil agama, eloklah memohon maaf dari Tun. Sila lihat ke dalam diri sendiri. Apa yang anda telah lakukan atau sumbangkan untuk membantu umat Islam di Malaysia dan juga di seluruh dunia??? Yakin kah anda yang ilmu agama

anda lebih tinggi berbanding Tun?

2. Dulupun ada mereka yang AHLI dalam bidang EKONOMI/KEWANGAN yang mengatakan Tun tiada ilmu yang mencukupi untuk membuat apa-apa keputusan mengenai ekonomi/kewangan; mereka amat yakin yang mereka lebih ARIF (AHLI). Tetapi setelah beberapa tahun berlalu, Tun ternyata tahu apa yang beliau lakukan kerana Tun cuma akan membuat keputusan setelah bertanya kepada pakar-pakar tentang perkara-perkara (asas) yang beliau tidak berapa faham. Ini kekuatan/kelebihan Tun. Tun rajin mengkaji dan rajin bertanya; sebab itu Tun sebenarnya amat pakar dalam pelbagai bidang; kita boleh tahu/lihat dari cara Tun mengupas apa juga isu/perkara; Tun SERBA-BOLEH (saya tidak beniat untuk membodek Tun; saya rasa Tun tidak kenal saya walaupun saya sudah banyak kali bersalam dengan Tun). Saya tidak ragu-ragu untuk mengatakan yang Tun mempunyai banyak kepakaran dan besar kemungkinan Tun lebih pakar dalam sesetengah bidang yang sesetengah orang beranggapan mereka lah pakar dalam bidang tersebut cuma kerana mereka ada ijazah dalam bidang berkenaan. Entahkan Tun yang lebih layak bergelar PAKAR dalam bidang tersebut...

3. Apa pun saya amat yakin dengan pandangan Tun kerana Tun seorang yang JUJUR & IKHLAS dalam melakukan apa jua perkara, dan Tun sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dalam memberi pandangan atau dalam membuat apa jua keputusan; Tun berniat baik.

4. Kita sebagai rakyat biasa kena ada seorang pemimpin yang kita pandang tinggi, yang BERINTEGRITI dan yang boleh dipercayai; pemimpin yang sebegitu (berintegriti) yang saya nampak setakat ini ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Saya amat menyanjung dan menghormati Tun.

Terima kasih Tun kerana tidak jemu-jemu menasihati dan mendidik kami semua.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

100.

khairi25's Gravatar khairi25

March 15, 2012 at 5:17 pm | Permalink

".....saudara Hilal sendiri yang mengatakan beliau tidak dapat masuk ke ruangan komen ini atas masalah teknikal." Teknikal apanye der?? Org lain blh je masuk web Tun ni ha. xkn blog Tun M kena block kat Jordan kot?? Ke dia nak Tun jengah blog yg dh diberi link tu supaya Tun sendiri yg masuk&bukan sebaliknya?? nonsense

101.

mutley's Gravatar mutley

March 15, 2012 at 4:16 pm | Permalink

Asmlkm Tun dan semua,

Berikut adalah bantuan saya kepada Saudara Hila Ashraf yang menghipi masalah teknikal untuk menjawab didalam blog ini. (Pelik! tak apa lah tu) Saya salin semua jawapannya disini untuk tatapan semua. Syabas, Tun dan saudara Hilal banyak membuka mata tentang isu ini.

Assalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barokatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, diizinkan saya mengarang warkah ini. Semoga Allah SWT memandu kita semua ke arah kebenaran, dan sentiasa meletakkan kita agar sentiasa lurus berada di atas jalanNya.

Ini adalah warkah jawapan saya kepada Tun Dr Mahathir yang menyuakan beberapa soalan kepada saya di dalam blognya pada link berikut: <http://chedet.cc/blog/?p=718>

Sukalah saya mendahulukan terima kasih saya, sebagai seorang rakyat biasa, kerana Tun Dr Mahathir sudi memberikan respon kepada nota saya. Yang nyatanya saya sangka, tidak sampai kepada Tun. Hal ini kerana ramai lagi orang lain memberikan respon kepada ucapan Tun berkenaan Hudud tersebut. Apa-apa hal pun, saya berbesar hati atas keterbukaan Tun ini, dengan izin Allah SWT.

Saya Muhammad Hilal Asyraf bin Abd Razak bin Kaprawi. Tahun ini berumur 23 tahun mengikut tahun masihi. Ya benar, saya taraf cucunda Tun, yang nyata usianya sudah menjengah 90 tahun dalam tahun hijrah. Saya merupakan pelajar tahun akhir di Universiy of Yarmouk, Jordan dalam pengkhususan Usuluddin. Jika tiada aral melintang, saya akan menamatkan pengajian saya di semester ini. Saya juga, mengasaskan website ini(Langitllahi.Com), dan menulis beberapa buah buku.

Tun Dr Mahathir yang dikasihi kerana Allah,

Maafkan saya atas intro yang panjang. Kini saya pergi menjawab soalan-soalan yang dilontarkan oleh Tun di dalam blog Tun. Namun suka saya meminta maaf, jika saya tidak mampu menjawab ringkas yang dipinta. Tetapi saya berusaha keras untuk meringkaskan penulisan saya.

Soalan 1 – Punca ajaran agama Islam ialah Al-Quran, Hadith, fatwa, ajaran ulama'-ulama' dan guru-guru agama. Diantara punca-punca ini yang mana satukah yang diutamakan?

Izinkan saya memperbaiki statement – “punca ajaran agama Islam ialah Al-Quran, Hadith, Fatwa, ajaran ulama'-ulama' dan guru-guru agama.”

Sebenarnya, 'punca' ajaran agama Islam adalah Al-Quran dan Hadith sahaja. Selebihnya, seperti

fatwa, ajaran ulama' atau guru-guru, itu adalah perkara yang terbit dari kefahaman mereka terhadap Al-Quran dan Hadith.

Bila ditanyakan yang mana satukah yang patut diutamakan, maka saya jawab:

Al-Quran dan Hadith. Kedua-duanya diutamakan, pada taraf yang sama. Kerana kewujudan Hadith, yakni sunnah nabawiyah, adalah sebagai 'penjelasan' kepada ayat-ayat Al-Quran. Kerana itu Allah SWT berfirman:

“(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya. (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah orang-orang yang merancang dan melakukan kejahatan-kejahatan itu merasa aman daripada ditimbuskan oleh Allah akan mereka ke dalam bumi, atau mereka didatangi azab dari arah yang mereka tidak menyedarinya?” Surah An-Nahl ayat 44-45.

Begitulah juga dinyatakan di dalam Surah An-Najm ayat 2-4. Surah Al-Hasyr ayat 7.

Dan berkenaan Al-Quran, nyata Allah SWT berfirman:

“Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar. Dan bahawa orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, Kami sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” Surah Al-Isra' ayat 9-10.

Juga wujud penegasan ini dalam banyak tempat yang lain di dalam Al-Quran, contohnya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 1-2, An-Nisa' ayat 174-175, Surah Al-Maidah ayat 15-16 dan lain-lain.

Tun Dr Mahathir yang saya harapkan berada dalam rahmat Allah,

Soalan 2 – Sekiranya terdapat pelanggaran atau percanggahan antara hadith, fatwa, pendapat ulama' dan guru-guru agama dengan apa yang terdapat dalam Al-Quran, apakah kita harus tolak Al-Quran (terutama ayat-ayat yang jelas) dan terima hadith, fatwa dan lain-lain?

Berkenaan soalan ini, pertamanya izinkan saya jelaskan berkenaan percanggahan hadith dengan Al-Quran. Sesungguhnya Tun yang saya kasihi, apabila Allah SWT telah berfirman di dalam

ayat-ayatNya di atas berkenaan Rasulullah SAW itu tindakannya adalah wahyu, maka tiadalah hadith yang sohih, bercanggahan dengan ayat-ayat Al-Quran.

Sekiranya kita menjumpai ta'arudh(perlanggaran, percanggahan) ini, di antara hadith sohih dengan ayat Al-Quran, maka hendaklah kita kaji semula apakah sebabnya. Dan biasanya, percanggahan itu bukanlah percanggahan. Tetapi antaranya disebabkan:

Silap dalam periwayatan hadith

Ayat Al-Quran itu sudah di'nasakh'(mansuh)kan hukumnya, tetapi tidak di'nasakh'(mansuh)kan bacaannya.

Atau Rasulullah SAW melakukan/membenarkan/melarang perkara tersebut, sebelum ayat Al-Quran turun melarang/membenarkan.

Begitu.

Jadi bila ditanya kepada saya, mana yang patut diutamakan, maka saya akan jawab:

Al-Quran dan hadith. Bersama-sama.

Kalau berlaku pencanggahan antara Al-Quran dan hadith, maka nyatakan hadithnya, dan nyatakan ayat Al-Quran yang mana, kemudian kita periksa mengikut ilmu asbabul nuzul(sebab-sebab turunnya ayat Al-Quran), dan periwayatan hadith.

Tun Dr Mahathir yang dikasihi kerana Allah,

Soalan 3 – Ada pihak yang mendakwa bahawa Al-Bukhari telah mengkaji sebanyak 600,000 hadith tetapi menerima hanya 7000 sebagai sahih.

Benar. Dan perlu diketahui bahawa Imam Al-Bukhari(Abu 'Abdullah Muhammad bin Isma'il Al-Bukhariy) menamakan Kitab Sohih Bukhari itu dengan "Jami' Musnad As-Sohih Al-Mukhtasar Min Umur Rasulillah SAW". Al-Mukhtasar ini bermaksud "ringkasan". Imam Al-Bukhari memasukkan sekitar 7,000 hadith ini ke dalam kitab tersebut kerana 7,000 hadith ini mencukupi pada pendapatnya, untuk manusia memahami bagaimana mahu berurusan dengan Islam sebagai cara hidup.

Dan Imam Al-Bukhari sendiri menyatakan: "Aku keluarkan untuk (isi)kitab ini daripada 600,000 hadith, dan aku jadikannya sebagai hujjah antara aku dan Allah SWT."

Berkata Ibrahim ibn Mu'qol: "Aku mendengar Muhammad bin Ismail berkata: Tiadalah aku masukkan ke dalam kitabku As-Sohih ini melainkan yang sohih. Dan aku tinggalkan(tidak masukkan) banyak hadith sohih yang lain agar tidak menjadi panjang(kitab itu tidak menjadi terlalu tebal)"

Berkata Imam Al-Bukhari: "Tiadalah aku keluarkan(yakni meriwayatkan) di dalam kitab ini melainkan yang sohih, dan apa yang aku tinggalkan dari hadith sohih yang lain ada banyak."

Kerana itu apabila Imam Al-Bukhari menamakan kitabnya "As-Sohih Al-Mukhtasar Min Umur Rasulillah SAW", maka itu menjadi dalil bahawa dia berpendapat hadith-hadith tersebut sudah cukup bagi manusia mengamalkan dan memahami Islam yang sebenar. Tetapi tidaklah dia menutup peluang orang lain untuk meriwayatkan hadith sohih yang lain.

Ini saya dapati dari Kitab Al-Wadhah Fi Manahij Al-Muhaddithin karangan Dr Yaasir Asy-Syimaali.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi kerana Allah,

Soalan 4 – Apakah kesahihan hadith-hadith ini semuanya sama dengan sahih pengkaji hadith lain termasuk Muslim, Tarmizi dan lain-lain. Apakah kita harus tolak kajian-kajian lain dari Bukhari?

Kalau yang Tun maksudkan di sini adalah 'sama taraf kesohihan'nya, maka itu bergantung kepada Al-Jarah Wa Ta'dil terhadap hadith tersebut. Menggunakan teknik Jarah Wa Ta'dil ini, maka periwiyatan akan dikaji semula untuk melihat kesohihannya. Baik sohih dari segi sanad perawi, mahupun sohih dari segi matan(sebutan hadith) itu.

Tetapi kalau Tun mahu tanya fasal 'Syarat Sohih Hadith' yang dikenakan oleh perawi-perawi ini sebelum memasukkan ke dalam kitab mereka, maka telah diakui zaman berzaman bahawa syarat yang dikenakan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim adalah paling ketat sekali.

Imam Bukhari mengenakan syarat-syarat berikut:

Memenuhi Syarat hadith Sohih yang disepakati Ulama'

Sanadnya bersambung.

Perawinya adil(soleh, bertaqwa, dipercayai)

Perawinya dobit(tidak nyanyuk, tidak lupa)

Tidak ada syaz(hadith yang diriwayatkan tidak bertentangan)

Tidak terdapat 'illah(yakni kecacatan/kesamaran yang menyebabkan hadith itu tidak diterima)

2. Subbut Al-Liqa' (terbukti perawi itu telah bertemu dengan perawi sebelumnya)

3. Melihat tahap penguasaan murid di sisi syaikhnya(apakah murid yang bagus penguasaannya, atau tidak)

4. Hendaklah perawi itu masyhur sebagai yang tekun menuntut ilmu hadith.(maksudnya, perawi itu memang dikenali sebagai yang rajin menuntut hadith)

Manakala imam-imam yang lain, ada yang membenarkan hadith dho'if wujud di dalam kitabnya. Ini bukanlah hendak menyatakan Imam-imam tersebut kurang mulia atau kurang hebat daripada Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim. Tetapi hendak menyatakan, tujuan penulisan kitab mereka adalah berbeza. Dan perlu diketahui bahawa ulama'-ulama' yang memasukkan hadith-hadith sedemikian, mereka memasukkannya dengan amanah. Yakni menyatakan para perawinya agar boleh diperiksa orang terkemudian selepas mereka.

Dan untuk isu mana yang lebih patut diambil sebagai rujukan, setakat ini sememangnya ulama'-ulama' telah menjadikan Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim sebagai rujukan utama. Biasa akan dikatakan – “Perawi ini melepasi syarat asy-syaikhain”. Itu bermakna, perawi itu melepasi syarat yang dikenakan Bukhari dan Muslim.

Namun untuk mengambil hadith-hadith daripada Imam lain, tiada masalah selagi mana ianya memenuhi syarat hadith sohih.

Perkara ini Tun, dibahaskan dengan amat-amat detail dalam ilmu Jarah Wa Ta'dil(kritikan dan pujian) terhadap hadith-hadith, di dalam Kitab Ar-Rijal(kitab yang menceritakan perihal perawi-perawi, sejarah mereka, kedudukan mereka dalam dunia periwayatan hadith) dan sebagainya.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi kerana Allah,

Soalan 5 – Apakah ingatan manusia lebih tepat dan kekal dari catitan, seperti wahyu dari Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. dicatit, kemudian dibukukan sebagai Al-Quran.

“Lebih tepat” itu pada saya sangat subjektif. Sebab, tidak semestinya apa yang dicatit itu betul. Dan tak semestinya juga yang diingati itu lebih tepat dari apa yang tercatat.

Sebab itu Tun, dalam isu pengumpulan, pembukuan Al-Quran dan Hadith, adalah amat-amat-amat ketat saringannya.

Bukan semata-mata dia hafal, dia sebut, maka terus dimasukkan ke dalam catitan. Terus dibukukan. Bahkan, jika kita menelaah kitab-kitab Manahij Al-Muhaddithin (Sistem Para Perawi Hadith), kita akan menjumpai perkara seperti jarah wa ta'dil yang menilai sanad dan matan hadith, kitab Ar-Rijal yang menilai perawi-perawi hadith, syarat hadith sohih, dan sebagainya, yang jelas menunjukkan ini semua disaring penuh ketat dan teliti.

Kalau Tun nak kata ingatan manusia boleh terganggu dengan 'lupa' dan sebagainya, saya akan kata, sebab itu wujud sistem Jarah Wa Ta'dil, Kitab Ar-Rijal, Syarat-syarat hadith sohih, dan sebagainya, untuk memastikan apa yang disampaikan itu terjaga.

Sebentar lagi saya akan nyatakan bahawa hadith juga dicatit. Ada juga yang dihafal. Sama seperti Al-Quran. Ada yang tercatat di pelepah kurma, batu dan sebagainya. Ada juga yang tidak ditulis, tetapi dihafal. Namun sistem pengumpulan yang amat ketat itulah yang menjaga dari apa yang tidak sohih itu terlepas.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi kerana Allah SWT,

Soalan 6 – Bukhari membuat kajian hadithnya 200 tahun selepas wafat Nabi. Apakah orang pertama yang melihat atau mendengar Nabi bersabda mencatat apa yang dilihat dan didengar dan catitan ini disimpan sehingga Bukhari mengkajinya? Atau apakah Bukhari bergantung kepada riwayat yang diperturunkan melalui beberapa generasi sehingga sampai kepada Al-Bukhari?

Sebenarnya Tun, hadith itu ditulis dari zaman Rasulullah SAW lagi. Bukan semata-mata hafalan dan ingatan. Di zaman Rasulullah SAW, antara yang dikhaskan oleh Rasulullah SAW untuk menjadi pencatit hadith baginda adalah: 'Abdullah ibn 'Amru Radhiallahu'anhuma.

Dinamakan penulisan Hadith 'Abdullah ibn 'Amru ini sebagai Sohifah As-Soodiqoh.

Antara lain yang wujud adalah Sohifah 'Ali bin Abi Talib Radhiallahu'anhu.

Dan wujud di dalam Sohih Bukhari dalam Kitabul 'Ilm bahawa Rasulullah SAW pernah menyuruh agar ditulis pesanan dan ajaran baginda kepada seorang yang berasal dari Yaman.

Dan amat masyhur kita mengetahui bahawa baginda mempunyai penulis surat, dan dihantar surat itu kepada raja-raja di zaman baginda. Ini dinyatakan di dalam Kitab Jaami' Bayan Al-'Ilm karangan Ibn Abdul Barr.

Jadi jelas di zaman Rasulullah SAW, hadith-hadith baginda ditulis. Tanpa dinafikan, ada juga yang

dihafal.

Kita mendalami ilmu hadith ini dengan memahami bahawa Al-Quran adalah wahyu daripada Allah SWT makna dan lafaz. Manakala hadith adalah maknanya daripada Allah, sedang lafaznya adalah lafaz Rasulullah SAW. Maka, ada sahaja yang meriwayatkannya berdasarkan makna sahaja. Itu pun, semua ini melalui jarak wa ta'dil yang kita nyatakan tadi.

Di zaman Sohabah(para sahabat) pula, wujud tulisan Zaid ibn Thabit RA yang mengumpulkan hadith-hadith berkenaan Fara'idh. Khotib Al-Baghdadi(Abu Bakr Ahmad ibn `Ali ibn Thabit ibn Ahmad ibn Mahdi) juga pernah meriwayatkan daripada Basyir ibn Nuhaik bahawa Basyir berkata: "Aku menulis untuk Abu Hurairah setiap hadith yang aku pelajari daripadanya. Kala aku hendak berpisah dengannya, maka aku membacakan apa yang aku tulis. Kemudian aku nyatakan bahawa ini semua adalah hadith yang aku ambil daripadanya. Abu Hurairah menjawab: Ya." Khotib Al-Baghdadi, dalam kitabnya, Taqiyid Al-Ilm.

Terdapat juga sohifah Jabir ibn Abdullah. Dan para sahabat yang hidup jelas memperturunkan hadith-hadith yang didapati daripada Rasulullah SAW kepada masyarakat di mana mereka hidup.

Dan ini semua tidak mati di situ sahaja. Di Zaman Tabi'in, wujud juga penulisan Hadith, bahkan jadi lebih meluas lagi kerana telah terbukanya banyak wilayah di tangan Islam. Ketika zaman inilah, Khalifah Abdul Aziz ibn Marwan(meninggal pada tahun 85H) mula menyeru agar dikumpulkan hadith secara rasmi. Kemudian usaha ini juga diteruskan oleh Khalifan Umar bin Abdul Aziz di zamannya.

Perkara ini dijelaskan secara detail di dalam kitab-kitab Manahij Al-Muhaddithin. Ini bukanlah maklumat yang boleh kita biarkan begitu sahaja, atau memandangnya dengan sebelah mata semata-mata.

Kemudian, apabila ingin membicarakan perihal Imam Al-Bukhari, bagaimana dia menuntut hadith, dia nyata adalah seorang yang mengembara. 16 tahun dia keluar mengembara bertemu dengan perawi-perawi untuk mengumpulkan hadith-hadith, dalam rangka mengumpulkan yang sohih. Dia bukannya duduk diam di dalam perpustakaan semata-mata, atau menunggu seseorang datang kepadanya menyampaikan buatnya hadith.

Dan sekali lagi saya nyatakan, Imam Al-Bukhari bukannya sekadar dengar, dan terus catit masukkan ke dalam Kitabnya. Dia menyaringnya pula. Ada pula hadith-hadith yang lebih kurang sama, diletakkan sebagai bukti bahawa makna yang dibawa oleh hadith-hadith itu sohih, saling sokong menyokong satu sama lain.

Bahkan, untuk tambah meyakinkan lagi, Imam Al-Bukhari telah memanggil para ulama' di zamannya untuk menilai Kitab Jami' Musnad As-Sohih miliknya itu. Antara ulama' yang menilai adalah 'Ali ibn Al-Madini, Ahmad ibn Hanbal, Yahya Ibn Mu'in dan lain-lain. Mereka memperkemaskannya lagi dan menjadi saksi bahawa apa yang dikumpulkan itu adalah sohih.

Dan bukanlah Imam Al-Bukhari itu terus mati selepas menyelesaikan kitabnya. Dia masih hidup. Didatangi para ulama', dan keluar ke negeri demi negeri membawa kitabnya. Sekiranya wujud kesalahan dan kecacatan, semestinya kitabnya telah tertolak lebih awal kala kehidupannya.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi,

Soalan 7 – Tuhan menjadikan manusia berbeza dengan haiwan kerana manusia diberi akal fikiran. Apakah agama Islam melarang manusia dari mengguna akal dan berfikir?

Guru saya di dalam bidang Aqidah, bernama 'Ala Hilat, pernah berkata bahawa Allah SWT menyediakan ayat musytabihat di dalam Al-Quran, sebagai tanda penghormatan Allah SWT kepada akal yang diciptakanNya buat manusia. Ayat musytabihat adalah ruang yang diberikan Allah SWT agar manusia berfikir, menjana pemikirannya sendiri.

Tetapi adalah perlu kita fahami bahawa, tiadalah pemikiran akan timbul sendiri tanpa bantuan. Dan tiadalah pemikiran akan menghala kepada arah yang betul sekiranya tidak mendapat panduan.

Kerana itu, Allah SWT menurunkan ayat-ayat Muhkamat. Yang qat'ie, jelas tidak boleh diubah dan diperbahaskan perlaksanaannya. Hal ini boleh dirujuk dalam Surah Ali Imran ayat 7.

Allah SWT juga beberapa kali menyebut ayat Al-Quran seperti:

“Apakah mereka tidak mendalami/memikirkan Al-Quran?” Surah Muhammad ayat 24.
“Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.” Surah Rum ayat 21.

Maka tidaklah Islam melarang kita menggunakan akal kita. Tetapi perlulah kita letakkan akal kita atas landasan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam kitabNya, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW daripada hadith yang sohih yang sampai kepada kita.

Jika Islam melarang kita menggunakan akal, maka tiadalah ulama'-ulama' terdahulu terfikir untuk mengumpulkan Al-Quran dan mengumpulkan hadith. Tiadalah cendekiawan Islam membuat penemuan-penemuan yang menghidupkan ketamadunan dunia.

Tetapi perlulah pada kebebasan berfikir itu, wujud limitnya. Kerana pemikiran manusia itu terbatas.

Sebagaimana limit yang diletakkan kepada kita, agar tidak membicarakan akan dzat Allah SWT.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah radhiyallaahu 'anhu, dari Rasulullah SAW, beliau bersabda: "Sesungguhnya syaitan mendatangi salah seorang dari kamu, lalu berkata: Siapakah yang telah menciptakan ini? Siapakah yang telah menciptakan itu? Hingga syaitan berkata kepadanya: Siapakah yang menciptakan Rabbmu? Jika sudah sampai demikian, maka hendaklah ia berlindung kepada Allah dengan mengucapkan isti'adzah dan berhenti." Hadith Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

Kerana jelas, makhluk jika mampu memikirkan bagaimana 'bentuk' Tuhannya, adalah satu kecacatan kepada Maha Besarnya Tuhan itu. Tidakkah Tun rasa demikian? Ini salah satu bentuk keterbatasan akal manusia. Tidak mampu menjengah kepada perkara-perkara ghaib. Maka Al-Quran dan hadith memandu. Islam benarkan kita terbang seperti layang-layang, tetapi mestilah bertali agar tidak jadi layang-layang yang lepas pergi begitu sahaja, Tun.

Maka begitulah saya melihat Islam mendidik kita berfikir, Tun.

Penutup: Inilah jawapan Saya, Tun Dr Mahathir, yang saya kasihi kerana Allah SWT.

Tun Dr Mahathir yang saya kasihi.

Pada hemat saya Tun, kalau saya diizinkan memberikan buah pandangan, saya kira lebih afdhol dari Tun memfokuskan soalan ini kepada saya, dan membukanya agar diperbincangkan ulama' luar dan dalam negara. Saya cadangkan Tun menulis soalan-soalan ini di dalam bahasa Inggeris. Pasti akan mendapat sambutan dan perhatian ulama' international. Jika Tun mahu tahu, nama Tun masih disebut-sebut. Ada rakyat Jordan yang menyangka bahawa Tun masih Perdana Menteri kami.

Saya ini, ini sahajalah yang saya mampu beri. Mahu kata pakar, tidak sepakar mana. Saya pun tidak expect Tun akan tanya saya hal sebegini. Sedang ulama'-ulama' yang lebih pakar, pastinya mungkin ada yang mampu memuaskan hati Tun.

Apa-apa hal pun Tun, inilah jawapan saya. Saya yakin, do'if dan kerdil, ditonton masyarakat Malaysia, kala berhadapan dengan Tun. Nyata, saya hanya cucunda Tun yang berumur 23 tahun, belum lagi menamatkan ijazahnya. Namun saya kekal dengan jawapan saya ini setakat ini. Saya percaya dengan ilmu yang saya perolehi ini, sebagaimana yang saya tulis.

Nota saya yang sebelum ini hanya berniat untuk menyatakan, bagaimana kelirunya masyarakat dengan kata-kata Tun tempoh hari. Saya, berdasarkan ilmu yang sedikit, yang ada pada saya ini, juga penjelasan saya tadi, jelas bahawasanya Hukum Hudud bukan satu 'rekaan' ulama' Fiqah. Ianya memang datang daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Bila Tun bicara berkenaan 'hukum yang keras' tiada di dalam Al-Quran, saya nyatakan adanya potong tangan di dalam Al-Quran. Berkenaan dengan rejam, wujud di dalam hadith sohih, namun kedudukan rejam ini saya menjumpai pelbagai pandangan. Sebat ada di dalam Al-Quran. Apa-apa hal pun, Tun kemudiannya bicara berkenaan bagaimana ruginya kita

jika amal hudud, orang melayu Islam akan tak ada tangan dan sebagainya.

Tun minta tidak dicap sebagai anti-hadith, dan Tun jelas mengakui betapa hadith diperlukan untuk menjelaskan bagaimana untuk bersolat. Maka saya bawakan hadith sahih berkenaan potong tangan, yang jelas tiada diskriminasi. Hatta anak kepada Nabi pun, jika mencuri dan sampai hadnya, maka akan dikenakan hukumannya.

Dari Aisyah r.a., Orang Quraisy merasa tidak senang akan hukuman yang dijatuhkan kepada seorang perempuan suku Makhzum mencuri. Mereka berkata: "Siapakah yang boleh menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. supaya perempuan itu dibebaskan saja?" Kata mereka: "Siapakah yang berani selain Usamah bin Zaid, kesayangan Rasulullah s.a.w.!" Usamah lalu menyampaikannya kepada beliau. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mengapa engkau memberikan pertolongan untuk membebaskan seseorang dari had (hukum) Allah?" Kemudian beliau berdiri lalu berpidato, sebagai berikut: "Orang-orang yang sebelum kamu dibinasakan, kerana kalau orang yang terhormat (mulia) mencuri, mereka biarkan saja. Tetapi kalau yang mencuri itu orang lemah, mereka jatuhkan hukuman. Demi Tuhan! Kalau sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, saya potong juga tangannya!" Hadith Riwayat Bukhari.

Inilah penjelasan kepada ayat berkenaan potong tangan yang wujud di dalam Al-Quran pada ayat 38 Surah Al-Maidah. Saya sudah nyatakan di dalam nota saya, saya 'tidak arif berkenaan bagaimana hudud itu perlu dilaksanakan.' Tetapi saya amat pasti bahawa, hudud bukan semata-mata rekaan ulama' fiqah.

Sekiranya orang menyatakan nota saya adalah satu bentuk salah faham kepada bicara Tun, maka semestinya Tun perlu memberikan penjelasan. Sebab apa yang saya nampak, kenyataan Tun tempoh hari mengundang salah faham yang nyata besar. Kerana nyata, Tun diikuti ramai orang. Suara saya, hanya pasir di tengah suara rakyat yang lain. Dan adalah menjadi kegembiraan saya, apabila Tun memberikan respon. Walaupun saya kira, respon Tun sepatutnya berbentuk umum, kerana ada lagi beberapa orang menulis kritikan yang sama, bahkan ada yang lebih keras, kepada Tun.

Jadi, setakat ini sahajalah daripada saya. Terima kasih kerana sudi menyantuni penulisan saya, membaca nota saya yang terdahulu. Sebarang kesilapan, saya minta maaf. Sebarang kecacatan bahasa dalam penulisan saya, mungkin ada yang dianggap kasar, maka saya minta maaf.

Di kesempatan ini, saya sampaikan salam dua sheikh saya, pakar ilmu hadith daripada Yarmouk, bernama Dr Mehmed Thowalbeh dan Dr Sa'id Bawa'annah. Mereka kata, jika Tun ingin bertanya lebih banyak, mereka sedia membantu. Mereka juga mencadangkan sebuah buku untuk ditelaah Tun, bertajuk: Manahij Al-Muhaddithin karangan Ali Qudhoh.

Jika Tun sudi, sampaikan salam saya kepada 'nenda' Tun Dr Siti Hasmah. Dan doakan agar saya selamat melayari bahtera perkahwinan, tarikhnya sekitar sebulan Ramadhan tahun ini.

Sekali lagi, terima kasih, dan minta maaf, daripada saya, Hilal Asyraf, 'cucunda' Tun yang masih

banyak perlu belajar lagi, semestinya.

Semoga Allah redha, dan membuahkan dari penulisan ini manfaat. Bukan sahaja untuk kita berdua, tetapi juga buat masyarakat.

Sekian.

~ seorang hamba,

HilalAsyraf

102.

readman's Gravatar readman

March 15, 2012 at 3:39 pm | Permalink

apabila Agama Islam yang "Mudah" nak kena cari "Pakar" apahal?!

Sapa yang yang Susahkan agama?

Ahli Fekah Korup, Guna Agama cari Duit!

Buat Fatwa Merapu, Menipu Duit Orang.

Apa bukti Saya? Empayar Islam TIGA KALI LINGKUP MATI

103.

Mulut Melayu's Gravatar Mulut Melayu

March 15, 2012 at 2:56 pm | Permalink

Hadith Sahih Bukhary (Lahir 194H Meninggal 256H)

Volume 4, Book 56, Number 829:

Narrated 'Abdullah bin 'Umar (Sahabat Nabi Muhamad. Lahir <10H dan meninggal 73H):

The Jews came to Allah's Apostle and told him that a man and a woman from amongst them had committed illegal sexual intercourse. Allah's Apostle said to them, "What do you find in the Torah (Old Testament) about the legal punishment of Ar-Rajm (stoning)?" They replied, (But) we announce their crime and lash them." Abdullah bin Salam (A Rabbi who embraced Islam) said, "You are telling a lie;

Torah contains the order of Rajm." They brought and opened the Torah and one of them solaced his hand on the Verse of Rajm and read the verses preceding and following it. Abdullah bin Salam said to him, "Lift your hand." When he lifted his hand, the Verse of Rajm was written there. They said, "Muhammad has told the truth; the Torah has the Verse of Rajm. The Prophet then gave the order that both of them should be stoned to death. 'Abdullah bin 'Umar said, "I saw the man leaning over the woman to shelter her from the stones."

Dari hadith di atas menunjukkan hukuman rejam kepada pezina adalah berasaskan kepada kitab agama Yahudi, bukannya dari wahyu Allah kepada nabi Muhamad saw.

104.

safrizal's Gravatar safrizal

March 15, 2012 at 2:51 pm | Permalink

As salam,

Semoga Tun dipanjangkan umur serta dimudahkan rezeki.

Sebelum saya melanjutkan perbicaraan saya, saya ingin mengatakan saya hanya hamba Allah dan Allah yang memberi saya ilmu.

Saya suka dengan jawapan adik hilal berikan tetapi jika kita memahami ape yang Tun cuba sampaikan iaitu semua benda kita lakukan kena melalui al-quran dan jika tiada yang jelas baru kita rujuk ke dalam hadis.

Actually Allah tu maha kaya kerana apabila kita terjemahkan Al-quran dan hadis tiada salah dan silap kerana ilmu yang datang sewaktu kita terjemah adalah ilmu yang diberikan oleh Allah. Oleh kerana itu Imam syafie tidak pernah cakap mazhab Hanafi adalah salah kerana itu adalah cara imam hanafi terjemahkan.

Itu sebabnya dizaman Rasullullah, beliau menghukum secara ADIL kepada semua bangsa tidak kira islam mahupun yahudi.

Saya memohon ampun dari Allah jika saya silap.

Yang baik datang dari Allah dan yang buruk datang dari saya.

105.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 15, 2012 at 2:26 pm | Permalink

Salam Tun,

Masih ada lagi penyagak dalam Islam yang kerja dia asyik2 maki dan kutuk orang. Sedih betul. Orang macam ni sebenarnya yg buta al quran dan kononnya berlagak tahu.

Wahai saudara, dah dah la kalau nak maki orang pun. baik pegi belajar al quran tu lagi elok. baca from cover to cover so that tak la nampak sgt cetek pemikiran tu.

orang di seluruh dunia sudah tahu keajaiban al quran. dan orang seluruh dunia sudah mula mempelajari al quran dengan lebih baik. jadi tak hairan lah kalau masih ada orang macam kamu yang menyalak tak henti2 untuk mengutuk orang yang lebih baik dari kamu. sedih sungguh.

sekarang di malaysia pun, ramai dah pemimpin2 tinggi dan orang cerdik pandai yang mengetahui al quran lebih baik dari pak imam yang ada.

Kepandaian tu bukan diberikan kepada tok imam sahaja wahai saudara. Itu anugerah Tuhan Yang Maha Esa yang layak berikan kepada sesiapa mengikut kehendak-Nya. Tak semestinya Ulama sahaja.

Kalau kamu baca al quran, mungkin kamu punya penjelasan lebih baik. Sebab dalam al quran, banyak cerita tentang nabi2 dahulu yang mana bukan datang dari ulama ataupun semestinya ulama. Nabi Muhammad sendiri merupakan saudagar. Nabi Yusof merupakan Raja ketika umur matang. nabi ibrahim merupakan seseorang yang miskin dan dari kalangan orang biasa.

Jadi tak semestinya, khalifah Allah itu semuanya orang yang berpakaian seperti alim ulama sahaja untuk mengajar tentang Islam. Mana2 mereka yang ada ilmu yang betul tentang Islam layak untuk mengajar.

Banyak lagi orang yang lebih baik dalam argument mereka berbanding kamu. Mocking others has been your traits of the past til now, never change.

Petikan dari komen Tun,

“Menuduh seseorang itu anti-hadith seperti menuduh seseorang itu kafir adalah cara mereka yang tidak dapat pertahan kefahaman dan pendapat mereka).”

Inilah perangai kamu yang tak habis2 dan tak matang2.

Kamu pikirlah wahai saudara berlagak pandai. orang satu dunia sudah mempelajari al quran lebih hebat dari kamu. kamu masih lagi nak mempertahankan hadith yg sememangnya bukan diriwayatkan oleh Nabi Muhammad. Ianya ditulis oleh Bukhari, Muslim, Tarmizi, dll. Jika kamu percaya hadith, kamu percaya mereka bukan Nabi. Kamu percaya AL Quran, kamu percaya Nabi Muhammad.

Islam pun sebenarnya tidak perlu pada orang seperti kamu. Allah lebih tahu siapa umat dia yang mengikuti al quran dan siapa yang mengikuti ajaran syaitan/iblis. (Selain dari Al Quran).

Tetapi saya harus puji dengan kesedaran saudara yang sudahpun menggunakan petikan Al Quran untuk berdebat. Ini tanda2 anda sudahpun mula mempelajari al quran dengan lebih baik. syabas!

thank you Tun

106.

samuraimelayu@gmail.com's Gravatar samuraimelayu@gmail.com

March 15, 2012 at 1:49 pm | Permalink

SALAM KASIH DAN SAYANG

AYAHANDA RAKYAT TUN

Izinkan,

Untuk KAMI (Kita Anak Melayu Insaf) dan Melayu yang 'mudah lupa' kami paparkan kembali puisi 'keramat' kami... tutur penghargaan kami kepada seorang Ayahanda, anugerah Allah kepada Kita Anakanda(rakyat) Malaysia Insaf.

TUTUR PENGHARGAAN BANGSA

MEI 13, 1969 IA BERMULA

MELEDAH BANJARAN PEMISAH

MENGALIR DEBU DAN LAHAR

DIANTARA DARAH DAN NANAH

MERESAP DICECAIRAN BUMI BANGSA
KEKAYAAN PUSAKA BANGSA DIMILIKI SEMUA

NAFSU HAIWAN MENGUASAI JIWA RAGA
DENYUT NADI HASAT DENGKI
MERAH, MEMBAHANG, MENYALA
SLOGAN MELAYU BERDILEMA
MERANGSANG PEJUANGAN BANGSA

BANGUN TEGAK BERDIRI
MEROBOH, MENCANAI
WALAUPUN MULANYA KERINGAT DAN AIRMATA
PERIT, PEDIH, RINTIHAN

DALAM PENENTU BELUM PENGHUJUNG
MENGORAK LANGKAH, MENGATUR CARA
MENITI PERMATANG, PENENTU JUANG
KINI, BANGSA MU MULA MENGANGKAT MUKA
TIADA EJEKAN KATA HINA

TETAPI SAMPAI DETIK BILA BERTAHAN LAMA
DASAR EKONOMI BARU, PANDANG KETIMUR
WAWASAN 2020 BUKAN TITIK PENYUDAH
BAGI GENERASI MENDATANG IA BERMULA

MELAYU TAK HILANG DIDUNIA BUKAN DENDANGAN
TETAPI LANDASAN PERJUANGAN

DEMIKIAN SURATAN ILMU ALLAH
BANGSA MELAYU MELANGKAH MEGAH

MENJULANG PANJI PANJI BUMI BERTUAH
ANAK WATAN PUSAKA BANGSA

MAHATHIR, NAMA MU MEKAR SEGAR
SEPERTI MAWAR DITITIS EMBUN PAGI
MANIS DIKATA
HILANG MU KU CARI
PERGI MU KU NANTI
PULANG MU KU TUNGGU

KAU LAYAK MENERIMA ANUGERAH
RIMBUN PELINDUNG UNTUK SEMUA
AYAHANDA, TUTUR PENGHARGAAN BANGSA
BONDA, UNTUK ISTERI TERCINTA

DEMIKIAN KELUHAN RINDU
DARI RAKYAT BANGSA MU
YANG PUNYA PERASAAN
DARAH, DAGING, TULANG, URAT SARAF
YANG MENJUNJUNG FALSAFAH PERJUANGAN BANGSA MU
UNTUK BANGSA MU MELAYU, SELAGI IANYA BERGELAR MELAYU.

SALAM KASIH DAN SAYANG KAMI
AYAHANDA RAKYAT TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
SALAM KASIH DAN SAYANG KAMI
BONDA RAKYAT TUN DR. SITI HASMAH ALI

ALFATIHAH, AMIN

Ps.. Pandang pada yang tersurat dan renungkan pada yang tersirat.. kata orang putih ' Look at the Bigger Picture'

cherry's Gravatar cherry

March 15, 2012 at 1:46 pm | Permalink

Ramai yang nak tunjuk pandai dan harap orang memuji dia hebat kerana "menegur" Tun M. Orang berbicara dengan minda yang terbuka, kritis dan membangun bukannya perasan dan syok sendiri. Biasalah....orang berhujah dah sampai ke bulan...dia duk cakap tentang rumput dan lembu kut dan perasan dah pandai....kesian Melayu. Itu Melayu Lama, Melayu Baru tak begitu dik...

Mahasiswa dalam program TV pernah memberitahu bahawa mereka sebenarnya telah matang dan boleh memilih sendiri dalam membuat keputusan. Saya tersenyum meluat. Mahasiswa Melayu itu perasan matang sedangkan ibubapa dan kerajaan yang masih menyuap mulut mereka. Masalah peribadi pun mak bapak juga yang dicari....inikan pulak berpolitik etc. Mereka inilah yang "rajin" berdemonstrasi....terror lah konon tu...pelajar Cina dan India mana? Depa sibuk mentelaah.....Pelajar Melayu suka beriadah terpekik terlolong....rugi duit kerajaan....rugi duit rakyat yang membayar segala cukai....rugi duit aku.....

108.

azlan95's Gravatar azlan95

March 15, 2012 at 12:39 pm | Permalink

Tun menulis: iii) Ada pihak yang mendakwa bahawa Al-Bukhari telah mengkaji sebanyak 600,000 hadith tetapi menerima hanya 7000 sebagai sahih.

Komen saya: Al Bukhari bukanlah "menerima" 7000 hadith sebagai "sahih" daripada 600000 hadith yang dikumpul.

Ayat di atas seakan-akan menunjuk bahawa lebih 590000 hadith "ditolak" Bukhari kerana "tidak sahih". Ini perlu dijelaskan.

Kebanyakan hadith merupakan "repetition." Nabi wafat dengan para Sahabat baginda melebihi 100000 orang. Dan para Sahabat ini ada lagi beratus malah beribu anak murid masing-masing.

Apabila Bukhari dan lain-lain pengumpul hadith jelajah serata benua sudah pasti mereka akan menemui beribu-ribu hadith yang sama cuma mungkin jalan sanad sahaja yang berbeza.

Jadi apa yang kita terima hari ini daripada kitab-kitab hadith merupakan "summary" sahaja. Bukhari menemui 600000 hadith. Kebanyakan hadith yang ditemui adalah sama cuma jalan riwayat sahaja yang berbeza-beza.

Azlan

KL

109.

Burungman's Gravatar Burungman

March 15, 2012 at 11:58 am | Permalink

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Kepada Tun yang saya hormati dan saya sayangi sebagai bekas pemimpin yang telah banyak berjasa, suka saya ingin mendoakan kepada Tun sekeluarga agar sentiasa dilimpahi dengan rahmat Allah yang tidak terhingga.

Tidak dinafikan, Tun merupakan seorang yang sangat kritis dalam pemikirannya, sehinggakan Tun sangat disegani oleh segenap lapisan masyarakat termasuk antarabangsa. Namun di sini, saya sebagai seorang biasa melihat Tun juga merupakan seorang yang mempunyai kelemahannya, yakni ada melakukan kesilapan.

Ya, manusia itu kan melakukan kesilapan. Hatta pemimpin terhebat pada zaman Khulafa Ar-Rasyidin juga ada yang melakukan kesilapan. Hanya Nabi saja yang maksum dan tidak pernah melakukan walau sebarang kesilapan di dunia ini.

Oleh itu, suka saya nyatakan di sini, sebagai seorang saudara Islam yang ingin membetulkan saudara se-Islamnya yang lain, saya ingin memberitahu bahawa Tun masih mempunyai peluang yang cerah untuk memperbaiki kenyataan Tun yang pada hemat saya agak ramai tidak bersetuju kerana ada sesetengah fakta yang kurang relevan telah dinyatakan.

Untuk itu, saya ingin menyampaikan pesanan daripada saudara Hilal sendiri yang mengatakan beliau tidak dapat masuk ke ruangan komen ini atas masalah teknikal. Dan beliau juga memohon agar sesiapa yang dapat masuk ke ruangan komen blog ini supaya dapat meletakkan jawapannya kepada Tun di sini bagi tatapan Tun dan pembaca lain khususnya.

Harapan saya sebagai seorang manusia yang ingin melihat perubahan yang baik ke atas manusia lain, mudah-mudahan jawapan yang diberikan oleh saudara Hilal itu adalah yang terbaik, dan dapat memberikan Tun ilmu yang baru dalam bidang tersebut seterusnya dapat memperbaiki pandangan Tun mengenai kenyataan yang telah dibuat tentang hukum Hudud.

Mudah-mudahan juga, dengan lahirnya pemikiran yang lebih berpihak kepada agama semata-mata, negara kita ini dapat disinari dengan cahaya Islam seterusnya melahirkan peluang yang

lebih besar untuk melahirkan semula pemerintahan khilafah yang sangat dinanti-nantikan oleh umat Islam.

Oleh itu, di sini saya sertakan link ke website saudara Hilal yang menjawab persoalan Tun itu. Semoga Tun dapat berlapang dada dan dapat menerima segala apa yang telah dinyatakan Oleh saudara Hilal merangkap 'cucunda' kepada Tun itu. Selamat membaca dari saya yang tidak seberapa ini ^^

Untuk bacaan Tun: <http://langitilahi.com/7734>

110.

khairi25's Gravatar khairi25

March 15, 2012 at 10:18 am | Permalink

Stuju dgn kenyataan dan maklumat yg dikemukakan oleh Dr.fikir..kdg2 org kita ni cpt sgt melatah. baru bljr x sampai setahun jagung dh nk condemn2 tanpa siasat. Hidup Tun!!

111.

Mulut Melayu's Gravatar Mulut Melayu

March 15, 2012 at 10:04 am | Permalink

Jawapan balas perkara yang dibangkitkan oleh YBhg. Tun di atas telah dijawab balik Hilal Asyraf di blognya:-

<http://langitilahi.com/7734#comment-9740>

112.

wajaperak's Gravatar wajaperak

March 15, 2012 at 9:43 am | Permalink

Assallammualaikumwarahmatullahiwarokatuh..

Mohon ruangan dari Tun..

[[ii) Sekiranya terdapat pelanggaran atau percanggahan antara hadith, fatwa, pendapat ulama' dan guru-guru agama dengan apa yang terdapat dalam Al-Quran, apakah kita harus tolak Al-Quran (terutama ayat-ayat yang jelas) dan terima hadith, fatwa dan lain-lain?]]

Tun..minta maaf..masa bila terdapat perlanggaran ini?Tolong beri contoh..Untuk pengetahuan Tun yang memang dah pandai bijaksana..Agama Islam di wariskan melalui ilmu..Sebab itu ulama di anugerahkan pewaris nabi...Ulama yang sebagaimana?Tidak ada ulama' yang sehebat Imam Ghazali..Dia adalah Hujjatul Islam sebagaimana abdazizomar hujjatul iblis!!

v) Apakah ingatan manusia lebih tepat dan kekal dari catitan, seperti wahyu dari Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. dicatit, kemudian dibukukan sebagai Al-Quran.

Kenapa Al Quran dibukukan...? Adakah Allah memerintahkan Al Quran dibukukan??..

vi) Bukhari membuat kajian hadithnya 200 tahun selepas wafat Nabi. Apakah orang pertama yang melihat atau mendengar Nabi bersabda mencatat apa yang dilihat dan didengar dan catitan ini disimpan sehingga Bukhari mengkajinya? Atau apakah Bukhari bergantung kepada riwayat yang diperturunkan melalui beberapa generasi sehingga sampai kepada Al-Bukhari?

Tun..ini dipanggil dokumentasi.Bentuk dokumentasi tidak semestinya dalam tulisan.Apakah sebenarnya Al Quran itu Tun?..Ianya adalah Kalam Allah yang tidak berbentuk..Jadi bagaimana makhluk dapat berhubung dengan KhaliqNya yang mempunyai Nur di atas Nur?

Ianya diterjemahkan 'realization' kepada bentuk yang dapat di pegang oleh tangan melalui perantara..Rasullulah s.a.w..

vii) Tuhan menjadikan manusia berbeza dengan haiwan kerana manusia diberi akal fikiran. Apakah agama Islam melarang manusia dari mengguna akal dan berfikir?

Saya menunggu jawapan daripada adik Hilal Asyraf supaya dapat saya betulkan diri saya.

Islam amat menggalakkan manusia menggunakan akal fikiran seperti ayat Al Quran ini..

Tafsir

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

Surah

Al-Baqarah

Ayat

164

Banyak lagi Tun..tetapi apa tujuan Tun memberi penerangan tentang Hudud? Adakah di mulakan dengan 'exclamation' atau 'disclaimer' seperti ini?

Pada pendapat saya..

Saya merasakan..

Kalau tidak silap saya..

Kepakaran Tun bukan dalam agama..

Oleh itu kita mesti merujuk kepada pakar seperti..

Saya terbaca di dalam Ihya Ulumiddin bahawa Imam Ghazali menyatakan...sekian..sekian..

Tun banyak membaca..I give it to you that..

Tapi saya merasakan Ihya Ulumiddin is not..

I repeat Ihya Ulumiddin is not..

YOUR FORTE..

Terima kasih Tun..

113.

musato's Gravatar musato

March 15, 2012 at 8:24 am | Permalink

Assalamualaikum Tun.

Saya juga memikirkan yang sama apabila Tun berkata sedemikian di Unimas seperti apa blog chewal jelaskan.

Juga kita tidak boleh menuduh orang yang tidak cukup sembahyang lima waktu sebagai kafir. Anda mungkin tidak tahu orang yang tidak cukup sembahyang itu perolehi apa dari Allah s.w.t

Bahkan dengan anugerah dari Allah s.w.t itulah orang yang tidak cukup sembahyang itu mengerti mengapa kita perlu sembahyang dan menyembah Alah s.w.t

Maka hukum sembahyang itu adalah WAJIB.

Sudah tentu saya tidak boleh tulis berat-berat kat sini.Tak boleh keluar.

Cuma saya berharap 1Malaysia juga berjaya sebagaimana penggubalan kanun hudud ahli fekah hasil panduan Al Quran dan Hadith.

Terima kasih Tun.

114.

Mulut Melayu's Gravatar Mulut Melayu

March 15, 2012 at 2:20 am | Permalink

cakkuncak,

you can refer to

<http://mulutmelayu-realiti.blogspot.com/2012/03/hukum-hudud-jawapan-tun-dr-mahathir.html> for Hilal Asyraf's comments on YBhg. Tun's explanations on Hukum Hudud.

115.

danil's Gravatar danil

March 15, 2012 at 2:04 am | Permalink

Assalam mualaikum

Tun YgBerbahagia,

All these years I have been asking myself the same thing like what you wrote today. But i was afraid to talk or discuss or to question this ' sensitive ' issues among my fellow Malay Muslims as there are a strong chance I will get a fierce backlash and even labelling me as Syirik or Kafir.

You are right..which one that we must really adhere and follow to. But for sure opinions from ulamaks which can differs can cause more confusion and even hatred among fellow Muslims.

Ulamak2 to be honest are like ' business politicians'. They have to project themselves as the most learned in order to get the most number of followers and eventually these people can be so ' taksub'

And Malays being Malays ,are very accomodating and tolerant race so much so sensitive topics or issues are preferred to be kept silent or quiet. More so if the issue is about Allah, Al Quran, Hadith, etc,etc.

I am sure Tun will soon be getting a lot of backlash from Malay Muslims of course. Just sabar aja Tun. Hopefully sometime in the future they will finally understand what you really want them to understand and accept. Insyallah.

116.

Poyam777's Gravatar Poyam777

March 15, 2012 at 1:08 am | Permalink

Tun, izinkan tulisan adik itu ...

.....

penulis pada respon dibawah

Bila Mantan Perdana Menteri Berbicara Berkenaan Hudud.

(Klik di SINI untuk video mengenai tun mahathir berbicara mengenai hudud atau boleh lihat video tersebut di bawah)

Assalamu'alaikum Wa Rahmatullahi Wa Barokatuh.

Alhamdulillah, pada hari ini saya telah menulis status berkenaan mantan perdana menteri yang kita kasihi, apabila dia berkata berkenaan Hukum Hudud adalah rekaan Ahli Fiqah, dan bukannya datang daripada Al-Quran.

Apa yang saya ketengahkan di dalam isu ini adalah kenyataannya – Hudud adalah rekaan Ahli Fiqah. Tiada daripada Al-Quran.

Maka, saya rasa sangat kelakar, untuk seorang mantan perdana menteri yang memerintah sebuah negara 'Islam' untuk jangka masa lebih dua dekad, bahkan masih hidup hingga ke hari ini, untuk mengeluarkan kenyataan sedemikian rupa.

Kita ketepikan dahulu persoalan 'Bagaimana Sepatutnya Hudud Dilaksanakan'. Sebab nampaknya, persoalan 'Apakah Hudud Itu Daripada Allah' pun tidak diketahui rupanya.

Tiada Di Dalam Al-Quran? Tiada Di Dalam Hadith? Rekaan?

Saya hanya seorang pelajar Usuluddin, tahun akhir, di University of Yarmouk, Irbid, Jordan. Saya tidak mendalami syariah(peraturan) Islam sebagaimana pelajar Fiqh. Saya hanya 'budak Usul', atau 'budak akar' di dalam bidang agama ini. Justeru, saya belajar akan Aqidah, Tafsir Al-Quran, dan Hadith.

Sebab itu, saya mahu bahaskan tentang "Apakah benar Hukum Hudud itu rekaan ulama' Fiqah?".

Saya tidak layak untuk membahaskan “Bagaimana Melaksanakan Hukum Hudud.” Semestinya, saya serahkan yang itu kepada yang lebih arif. KERANA SAYA TIDAK TAHU. Saya ulang, kerana saya tidak tahu. Apa yang saya tidak tahu, saya tak akan pandai-pandai sentuh.

Maka, di sini buktinya bahawa Hukum Hudud itu wujud di dalam Al-Quran dan Hadith, bukannya rekaan Ulama’.

Ini hukum mencuri:

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” Surah Al-Maidah ayat 38. Ini dalil hukum hudud untuk mencuri. Jelas, ini adalah Al-Quran.

Diriwayatkan pula di dalam Sohih Bukhari Hadith no 1516 Jilid 3:

Dari Aisyah r.a., Orang Quraisy merasa tidak senang akan hukuman yang dijatuhkan kepada seorang perempuan suku Makhzum mencuri. Mereka berkata: “Siapakah yang boleh menyampaikan kepada Rasulullah s.a.w. supaya perempuan itu dibebaskan saja?” Kata mereka: “Siapakah yang berani selain Usamah bin Zaid, kesayangan Rasulullah s.a.w.!” Usamah lalu menyampaikannya kepada beliau. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Mengapa engkau memberikan pertolongan untuk membebaskan seseorang dari had (hukum) Allah?” Kemudian beliau berdiri lalu berpidato, sebagai berikut: “Orang-orang yang sebelum kamu dibinasakan, kerana kalau orang yang terhormat (mulia) mencuri, mereka biarkan saja. Tetapi kalau yang mencuri itu orang lemah, mereka jatuhkan hukuman. Demi Tuhan! Kalau sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, saya potong juga tangannya!”

Kemudian hukum zina pula:

“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.” Surah An-Nur ayat 2.

Hukum Rejam untuk pezina yang telah berkahwin:

“Dari Jabir bin Abdullah Al-Ansar RA, bahawa seorang lelaki dari Aslam datang kepada Rasulullah SAW dan menyatakan bahawa dia telah berzina. Pengakuan ini diucapkannya empat kali. Lalu Rasulullah SAW menyuruh supaya orang itu direjam. Sesungguhnya dia telah berkahwin.” Hadith Riwayat Bukhari di dalam Sohihnya, no 1817, Jilid 4, Bab Zina.

Jelas, sekali lagi, hukum ini daripada Al-Quran dan Hadith.

Kemudian hukum murtad pula:

“Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia.” Hadith Riwayat Bukhari di dalam Sohihnya, Hadith no 6922. Jelas, ini adalah hadith yang sohih.

Kemudian hukum Qazaf(menuduh orang lain berzina):“Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik” Surah An-Nur ayat 4.

Sekali lagi, jelas, ini adalah daripada Al-Quran. Daripada Hadith yang Sohih.

Justeru, amatlah dangkal untuk seseorang itu sebenarnya menyatakan Hukum Hudud Adalah Rekaan Ahli Fiqah dan bukannya daripada Al-Quran.

Hukum Hudud Tidak Adil. Merugikan Orang Islam.

Dinyatakan juga oleh Mantan Perdana Menteri tersebut bahawa, Hukum Hudud ini tidak adil. Dia berulang kali menyebut bahawa Islam menekankan keadilan. Kononnya Al-Quran sendiri menyatakan akan keadilan. Hukum dengan adil. Seakan-akan, melaksanakan hudud bukan satu keadilan, bahkan merugikan orang Islam.

Katanya, kalau orang Islam kena potong tangan, dan orang bukan Islam tak kena potong tangan, bukankah itu tidak adil dan merugikan?

Sebenarnya, dari segi pelaksanaan Hukum Hudud, pelaksanaannya adalah sangat ketat. Bukan semua kecurian dihukum dengan hukuman potong tangan. Perkara ini, pelajar yang mendalami Fiqah lebih arif.

Dan sebenarnya, amatlah saya terkilan dengan kenyataan Mantan Perdana Menteri kita itu. Kerana, seakan-akan, bangsa Melayu, orang islam ini kaki mencuri pula. Bukankah kita adalah bangsa yang disematkan adab dan sopan, dan mencuri bukanlah perkara kebiasaan di dalam adat kita sendiri(atau sebenarnya iya?). Maka mengapa perlu takut sebenarnya akan hukum ini? Ramai orang Islam akan ketiadaan tangan? Pada saya itu alasan yang sangat dangkal.

Dr Asri Zainal Abidin adalah antara ulama' yang saya suka penjelasannya akan pelaksanaan hudud. Boleh rujuk kepada video-video beliau. Saya second apa-apa sahaja fatwa beliau berkenaan hudud.

Setakat ilmu saya, pelaksanaan hududlah yang paling adil sekali dalam peraturan dunia. Semestinya kerana Allah SWT yang memberikan hukum ini kepada kita adalah Yang Maha Adil. Kerana itu hukumNya juga adalah adil. Bahkan, pada hemat saya, dengan melaksanakan hukum ini, Ummat Islam akan menjadi Ummat yang paling layak dicontohi kerana disiplin dan ketelusan mereka. Yang menjadikan kita takut dengan Hudud ini adalah daripada penerangan yang salah, dan dimomokkan pula dengan pelaksanaannya yang dikatakan barbarik, ganas, tidak berperasaan. Tidak. Hakikatnya tidak.

Apa-apa hal pun, untuk lebih detail berkenaan BAGAIMANA HUKUM HUDUD ITU PERLU DILAKSANAKAN, saya serahkan kepada rakan-rakan saya dalam bidang syariah untuk menjelaskannya. Jelas, Dr Asri Zainal Abidin banyak membahaskannya.

Penutup: Saya Tidak Perlu Menjadi Pembangkang atau Perdana Menteri Untuk Memberikan Teguran Ini.

Saya tidak perlu menjadi Pembangkang untuk menegur Mantan Perdana Menteri ini sambil menjelaskan pula perkara ini di khalayak ramai. Pada saya, ulama'-ulama' Kerajaan perlu bertegas memberikan penjelasan akan hal ini.

Saya juga tidak perlu menjadi Perdana Menteri, untuk membetulkan statement – Hukum Hudud adalah rekaan Ahli Fiqah dan bukan daripada Al-Quran.

Kalau semua orang perlu menjadi Perdana Menteri baru boleh tegur Perdana Menteri atau Mantan Perdana Menteri, maka dalam sejarah Malaysia ini tinggal 3 orang sahaja yang layak memberikan teguran.

Dan, memandangkan saya adalah pelajar Usuluddin yang mendalami Aqidah, suka saya menekankan satu perkara penting di sini: "Menolak apa-apa sahaja daripada Al-Quran, hukumnya adalah kafir." Sebenarnya.

"Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir. " Surah Al-Maidah ayat 44.

"Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." Surah Al-Maidah ayat 45.

“Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyakannya Allah mahu menyiksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik.” Surah Al-Maidah ayat 49.

Saya dididik oleh guru Aqidah saya, Dr Ala' Hilat, untuk tidak menghukum orang lain kafir. Saya tidak sesekali menyatakan Mantan Perdana Menteri kita itu kafir. Tetapi saya mahu tegaskan bahawa, menolak apa-apa daripada Al-Quran, adalah kafir. Guru saya kata, jika kita nampak orang sujud kepada pokok, katakanlah mungkin dia tidak tahu. Kemudian perjelaskanlah.

Maka saya menganggap, Mantan Perdana Menteri saya, sepanjang 22 tahun dia memerintah dan sehingga kini dia hidup, tiada siapa menjelaskan hal ini kepadanya. Dia TIDAK TAHU.

Maka saya jelaskan di sini secara ringkas.

Saya juga ingin menegaskan bahawa, sekiranya kita bukan AHLI di dalam bidang agama, maka janganlah bicara sembarangan. Bertanyalah jika benar tidak mengetahui. Mintalah penjelasan. Apatah lagi sekiranya kita seorang public figure yang mempunyai ramai pengikut fanatik yang mengikut kita dengan membuta tuli, dan sanggup mempertahankan kita walau apa yang kita sebut itu salah.

Sampai di sini sahaja nota do'if saya.

Mantan Perdana Menteri saya berbicara akan hal ini di khalayak ramai. Maka di sini nota ini saya persembahkan di khalayak ramai.

Sesiapa mahu sokong pendapat Mantan Perdana Menteri kita itu, boleh fikir 10 kali lepas baca nota ini.

Saya mahu kata di sini bahawa, sesiapa yang mampu sampaikan nota ini kepada Mantan Perdana Menteri saya itu, dia patut sampaikan. Saya tak tahu cara mana saya boleh sampaikan biar betul-betul sampai kepada dia. Sekian.

~ Seorang hamba,

Hilal Asyraf

<http://langitilahi.com>

Video yang dikatakan video Tun Mahathir Mohamad berkata mengenai Hudud:

Artikel Asal di ambil dari Langitilahi.com

Nota Kaki: Tun M arif dalam bidang perubatan tapi jahil bidang AGAMA. hakikatnya.

You might like:

Cincin 24 Juta: SAMM bidas Utusan Malaysia | Media Jer!

Berhati-hati untuk anda Bersocial Di Facebook/Twitter/Myspace Dan Lain-lain | Media Jer!

Cara Nak Halau Roomate Paling Haprak

Gambar Pelik Dan Pening

[?]

Incoming search terms:

hilal asyraf

langit ilahi

hudud mahathir mohamad

hilal asyraf mahathir

tun mahathir hudud

mahathir hina hudud

tun m hudud

langitilahi

mahathir hudud tidak adil

hilal asyraf hudud

Related posts:

Hukum Hudud: Siapa Kita Untuk Kata Tunggu? (Sultan Brunei)

Hudud? Hina PAS atau Hina ALLAH?

Cincin 24 Juta: SAMM bidas Utusan Malaysia

Video Penerangan Tentang Hudud "OLEY" oleh Pemuda Pas+Mathlutfi90+Bob Lokman

Utusan Malaysia Menghina Hukum Islam(hudud)

117.

samuraimelayu@gmail.com's Gravatar samuraimelayu@gmail.com

March 15, 2012 at 12:08 am | Permalink

SALAM KASIH DAN SAYANG

AYAHANDA RAKYAT TUN

Izinkan,

Kami 'copy & paste' pertanyaan seorang pembahas diblog The Scribe yang meminta pandangan kami tentang ucapan Ayahanda Tun yang dianggap kontroversi itu.

Insan yang kami muliakan, Sdrku langitbiru,

Mohon maaf tidak mampu memberi pandangan tentang Hudud. Ilmu dan pengetahuan kami hanya panjang kail sejengkal, tidak berani menduga lautan dalam.

Mungkin jika sdrku ada masa lapang, cuba layari website Chedet.cc untuk penjelasan lanjut bersabit kenyataan kontroversi Ayahanda Tun tentang Hukum Hudud.

ALFATIHAH, AMIN.

Ps. Kami tidak mampu meletakkan diri berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan seorang negarawan yang sangat kami muliakan dan kasihi, yang jauh lebih tua dalam usia dan pengalaman hidupnya dan jauh lebih berilmu dan berpengetahuan dari kami yang masih 'muda' dan kerdil ini.

Wallahualam

118.

Khairul-Dean's Gravatar Khairul-Dean

March 14, 2012 at 11:55 pm | Permalink

YABhg Dr. Mahathir Mohamad

Salam Hormat

To Be Young Again

(wisdom should begin latest at the deathbed)

One find this posting so amusing:

2. Sebelum saya menjelaskan maksud saya di dalam ucapan itu, saya harap adik Asyraf dapat menjawab secara ringkas (Ya atau Tidak) beberapa soalan yang ingin saya tanya kepada adik.

What is the key answers – Yes yes no no yes yes yes?

but for the first question what is the answer?

Should one fail can one resit?

When can one expect the revelation, Dr. Mahathir?

One guesses that what fools think do not matter much even when they are pointing a loaded gun at your head or shoot you full of dope and tie an explosive vest on you.

Yes, wisdom is rare peace of mind.

Maaf dan Sekian

119.

Tuntuah's Gravatar Tuntuah

March 14, 2012 at 11:14 pm | [Permalink](#)

Tun.

I dont know what hilal has said to you. N i dont know why you ask such questions.

Frankly, when Tun talk about agama Islam, i am not leaning to you bcoz sometimes what you have said, for me is out of context.

I used to debate on this hal hal agama but one fine day a fren tegur me not to debate about agama if i am not really sure. B coz may be what i xplained salah dan ini boleh menyesatkan. So now i m no longer to debate on that. What i normally do is i tell people that what i know is different from that people understanding and go off.

To Abd aziz omar,

I dont know you n dont understand on all your posting previously bcoz bercampur aduk.

Please be clear on what you want. Dont simply used one ayat Al-Quran as your hujah.

Its not work that way. We have 30 juzuk and u need to use all of it.

If people do that, we are not hearing on “tuhan mencarut”, “no gillet” “islam hadari” and so on.

By using satu ayat ia mungkin sesat dan menyesatkan. Its subject to everybody interpretation. Yes akal manusia tak sama. Ader lembab dan ader cerdik.

Ah. It is just my 2cent advise.

120.

Rosman BB's Gravatar Rosman BB

March 14, 2012 at 10:28 pm | Permalink

Salam Tun,

Ramai yang mengaji dan belajar melagukan alquran, tetapi tidak ramai di Malaysia ini yang benar benar membaca dan cuba memahami isi kandungannya. Saya bangga mempunyai pemimpin seperti Tun. Semoga Allah merahmati Tun berdua. Terima kasih di atas semua jasa Tun.

121.

readman's Gravatar readman

March 14, 2012 at 9:18 pm | Permalink

Kalau search dalam alQuran “Hukum Hudud” mmg tak Jumpa.

Tak percaya carilah sendiri. Allah memang tak letak perkataan “Hukum Hudud” sama-sama, bersebelahan.

Carilah perkataan “Hukum” yang disebelahnya “Hudud”(“Hukum Hudud”). Memang tiada, takde, Zero, Sifar, nothing.

122.

naquiuddin ansarullah's Gravatar naquiuddin ansarullah

March 14, 2012 at 9:10 pm | Permalink

BismiLLAHi Rahmani Rahim.,

Assalamualaikum warahmatuLLAHi wa barakatuh.,

kepada Tun Chedet.,

Alhamdulillah.., terbuka hati untuk menerima teguran daripada pemuda (cucu bagi pandangan Tun) yang bernama Hilal Asyraf, menunjukkan keterbukaan Tun terhadap pandangan sesiapa sahaja.

Cuma secebis harapan dari saya, supaya Tun dapat membuka hati dan berlapang dada dengan menilai, memerhati dengan mendalam, dan menerima kebenaran sekiranya ia terbukti benar, terhadap jawapan yang akan diberikan oleh saudara Hilal Asyraf nanti.

Dan tambahan lagi, sepatutnya Tun merujuk masalah ini kepada ahlinya, iaitu orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Alim-ulama` jangan ditolak ketepi, mereka perlu ada untuk menjelaskan perkara yang mungkin tidak dapat kita faham, melainkan kita mempunyai ilmu yang sah terhadap perkara tersebut dan kefahaman yang betul.

Tidak semua perkara itu bergantung kepada kecerdasan `akal fikiran semata-mata, ISLAM tidak menghalang manusia berfikir dan menggunakan akal. Tapi tidak dalam semua perkara, kerana keupayaan akal itu terbatas.

Namun saya kira, Tun lebih arif terhadap perkara tersebut, dan bukanlah selayaknya saya untuk mengajarkan Tun akan perkara tersebut. Sekadar pesanan dari cucu yang menyayangi.

“Dan berikanlah peringatan, sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang mukmin.”

Naqiuddin AnsaruLLAH ~

123.

readman's Gravatar readman

March 14, 2012 at 9:10 pm | Permalink

[7:185]

Patutkah mereka tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada Hadiith yang

mana lagi sesudah itu mereka mahu beriman?

Langit, Bumi & Segala Ciptaan Allah ialah Hadith.

Empayar Islam malas tengok Langit, Bumi & Segala Ciptaan Allah, Lingkup.

124.

parameswara 2's Gravatar parameswara 2

March 14, 2012 at 8:48 pm | Permalink

Dearest Tun

1-How time really flies ya Tun.. 86 already yah..but you still look very good.Pls share some tips how we can emulate you Tun,serious.

2-Bro Aziz omar I sincerely hope you could be more like Tun in your approaching the hadis..there is no harm in studying and accepting hadis that does not contradict the Quran or the spirit of the Quran.

2-Prophet Muhammad is the only prophet of God who had come to us with all the accounts of his activities and his life recorded and documented in the full light of history ..the possibilities that the many things he had said or commanded were authentic despite the many spurious hadis in circulation after his death.

3-I sincerely think it is not a problem for as long as the ultimate Quran sets the benchmark.This is why God had only preserved the Quran and not the hadis..God also want us to use our head in discovering his other messages.As a prophet he had also come to foretell us about future events which god have shown him and these things are not mentioned in the Quran.

4-Tak setuju dengan pemikiran koyah png yang kononnya Tun tak layak memberi pandangan tentang Islam sebab cuma ahli2 agama sahaja yang layak..pemikiran seperti inilah telah menyempit dan membuat Islam begitu berpecah belah harini.Tiada siapa yang memiliki monopoli keatas agama Islam sebab Islam itu terlalu besar..ia satu tamaddun bukan sekadar satu agama seperti agama agama lain.

5-Orang yang cuma tahu baca Quran dengan tajwid yang sempurna dan mendalami ilmu hadis dan lain2 bidang agama cuma pakar dalam perkara2 ini sahaja bukan pakar mengenai Islam.Mereka harus lah berani bedailog dengan orang orang Islam lain seperti Tun dan menjawab hujah 2 secara rasional dan bukan nya bersikap angkuh dan enggan berdialog sebab Tun tidak layak.Sikap sombong seperti ini tidak konsisten dengan ajaran Islam.

6-Lihat sajarah negara2 yang terburu2 melaksanakan hudud di sekeliling kita ada kah rakyat nya menjadi semakin makmur atau pun sebaliknya.Mungkin Rakyat Arab Saudi yang kaya minyak sahaja yang makmur yang lain2,rakyatnya sanggup mati untuk berhijrah kenegara orang bukan islam seperti Australia dan Canada.

7-Selagi pelaksanaan hudud di negara2 Islam cuma di hasilkan oleh ulama yang angkuh berminda tertutup dan tidak menerima pakai pandangan 2 orang2 sekular yang lebih arif tentang reality semasa selagi tu lah pelaksanaan hudud mungkin tidak akan berkesan.

8-Wallahualam bisawab

Thanks Tun

125.

RaJa BerSiong's Gravatar RaJa BerSiong

March 14, 2012 at 8:32 pm | Permalink

Salam Ayahanda Tun,

I observed, every words you said, it's was short, sweet and simple and yet, the meaning is always full of understanding and knowledgeable.

Semoga Allah lanjutkan usia Ayahanda Tun sekeluarga.

AMIN.

“Ayahanda Tun, the best there is, the best there was and best there ever will be.”

** Saya sangat-sangat berharap kalau dapat bergambar dengan Ayahanda **

126.

Herotamil's Gravatar Herotamil

March 14, 2012 at 8:09 pm | Permalink

Betul tu En Hanifwahid dan cik adia,

Kalau baca dari awal standing Tun M tentang cara perlaksanaan nya mesti lah adil.

bukan nya ..hanya utk umat Islam...

“..bila berhukum di kalangan manusia, berlaku adil”..

an nisa ayat 58....kenapa MANUSIA, kenapa tidak di Kalangan Umat Islam.

Koyah png,

Mungkin saudara tak suka baca secara terperinci..

Tun telah jelaskan...bila HADITH/SUNNAH bercanggah dgn AL Quran sahaja, bukan menolak keseluruhan HADITH/SUNNAH.

Kerana cara kita bersolat memang tiada dlm AL Quran, tapi kita berpegang pada cara yg di ajar Rasulullah...

127.

abdulazizomar's Gravatar abdulazizomar

March 14, 2012 at 6:39 pm | Permalink

Salam Tun,

I am so happy and grateful that you finally did explain your stand on Hudud Law to the people of the world.

Well said Sir and I am looking forward to hearing those who has been shouting and cursing all this while (you know who you are) to attack the so called 'anti-hadith'.

I like the way you explain it. By doing this, I hope many more people are seeking the truth from al Quran. They will, God willing find the truth.

If I am not mistaken Tun, Bukhari actually compiled 1 million hadith, and he deleted 95% of those(NOT SAHIH) and only use 50,000 hadith til today. Even he also deleted his own writing maybe because it does not sound right, or God knows what the reason it may be.

But nevertheless Sir, well done!

abdul aziz omar

128.

cakkuncak's Gravatar cakkuncak

March 14, 2012 at 5:53 pm | Permalink

Salam Tun,

I do not know what he commented but obviously I think he did not get the point of what you were explaining.

That is how unscrupulous individuals in this country use Islam to manipulate people to their way of thinking.

Whatever it is that is argued – your point that Allah swt blessed humans with a brain to think is probably the point that Hilal totally did not get.

129.

faiza.mokhtar's Gravatar faiza.mokhtar

March 14, 2012 at 5:10 pm | Permalink

Al-Quran adalah satu-satunya naskah yang paling terpelihara sekali di dunia di mana sejak sekian lama, al-Quran masih lagi asli dan tiada tokok tambah.

Sebagaimana dijanjikan oleh Allah, al-Quran akan terus terpelihara sehinggalah hari kiamat.

Maka jika ada kemusykilan dan perselisihan pendapat, maka sewajibnya kita merujuk kembali Kitab Agung ini.

p/s: Sebenarnya, hari ini makin mudah untuk kita betul-betul memahami apa yang terkandung dalam al-Quran dengan adanya teknologi terkini. Contohnya dapat dilihat dalam video ini

130.

hanifwahid's Gravatar hanifwahid

March 14, 2012 at 4:52 pm | Permalink

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(5:38)

Maka sesiapa yang bertaubat sesudah ia melakukan kejahatan (curi) itu dan memperbaiki amal usahanya, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(5:39)

131.

emma49's Gravatar emma49

March 14, 2012 at 4:29 pm | Permalink

Salam Tun,

Disamping itu, ini article menarik on education system... bagus juga dapat share di Chedet.cc...

<http://www.gse.harvard.edu/news-impact/2011/02/report-calls-for-national-effort-to-get-millions-of-young-americans-onto-a-realistic-path-to-employa/>

Terima kasih,

132.

adia's Gravatar adia

March 14, 2012 at 4:09 pm | Permalink

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

“...Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertakwa...”

Al Baqara (2:179)

133.

Koyah Png's Gravatar Koyah Png

March 14, 2012 at 3:54 pm | Permalink

Assalamualikum ,

Walaupun umur Tun dah 90(Tahun hijrah) bukan bermaksud semua hal tun dah tahu. Hal ehwal agama mesti dirujuk dgn org yg pakar dalam hal tersebut. Bukan dirujuk dgn Kassim Ahmad. Saya tahu Tun ni mmg rapat dgn Kassim Ahmad.

Seluruh Malaysia pun tahu yg Tun bebaskan Kassim setelah jd PM pada 1981. Ingatlah sesungguhnya Allah memberi petunjuk kpd ramai dgn kitabNya, juga menyesatkan ramai dgn kitabNya.

134.

Pencari Ilmu's Gravatar Pencari Ilmu

March 14, 2012 at 1:53 pm | Permalink

Alhamdulillah, ana juga ingin tahu.

135.

Botak's Gravatar Botak

March 14, 2012 at 12:52 pm | Permalink

Agama untuk Amalan

Kelihatan sekarang agama lebih discussi dari amalan

Di kedai kopi , di madrasah dan di mana mana di Indonesia ,

di Malaysia mahu juga dimana

Discussi perlu hanya pada tempat , tajuk , orang yg berilmu dan beramal dan bertujuan kebaikan

Bukan hanya omong kosong , orang yg tak berilmu dan beramal kerana ia akan mengakibatkan kekeliruan , memecah belahkan kita

Kita serah kan pada Ulama

Yg berilmu dan beramal

Beramal dan Pasrah akan pendirian mereka

Atas segalanya adalah urusan kita adalah

Urusan kita sesama Tuhan

Urusan kita sesama manusia

136.

Dr.fikir's Gravatar Dr.fikir

March 14, 2012 at 12:33 pm | Permalink

Salam Tun,

memang ramai yang gagal memahami apa yang cuba Tun sampaikan. Masalah ini berlaku kerana mereka tidak mahu berfikir dengan mendalam dan memperhalusi kenyataan Tun satu persatu.

blog chewal ada membuat penjelasan berdasarkan pemahaman penulis terhadap kenyataan Tun. Dijelaskan apa yang dimaksudkan dengan hukum hudud tidak ada dalam Alquran dan apa yang dimaksudkan hukum hudud adalah direkabentuk oleh ahli Feqah.

rujuk laman web :-

<http://chewal.blogspot.com/2012/03/kenyataan-tun-dr-mahathir-mengenai.html>

<http://chedet.cc/blog/?p=718>